



LAPORAN KESELURUHAN KAJIAN BELANJAWAN 2026 NEGERI PERAK

DISEDIAKAN OLEH:
INSTITUT DARUL RIDZUAN

TARIKH:
17 OKTOBER 2025

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan.....	1
1.2	Objektif.....	2
1.3	Skop Kajian.....	3
1.4	Metodologi Kajian	4
1.5	Tempoh dan Kawasan Kajian	7
1.6	Limitasi Kajian.....	8
1.7	Struktur Laporan	8
2.0	SOROTAN DAN DINAMIKA EKONOMI NEGERI PERAK	10
2.1	Populasi	10
2.2	Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Perak	11
2.3	Prestasi Pelaburan Negeri Perak.....	15
2.4	Statistik Perdagangan Antarabangsa.....	17
2.5	Hasil Kerajaan Negeri Perak.....	21
3.0	DAPATAN KAJIAN	24
3.1	Latar Belakang Responden.....	24
3.2	Tahap kesedaran dan persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030	27
3.3	Persepsi rakyat terhadap inisiatif di bawah pelan Perak Sejahtera 2030...	31
3.4	Dapatan Kajian Belanjawan 2026 Negeri Perak	42
4.0	PERBINCANGAN.....	53
4.1	Matrik PESTEL-SWOT	53
4.2	Melangkah ke hadapan.....	56
5.0	RUMUSAN	58
	RUJUKAN	60

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Rumusan Prestasi Sebenar Belanjawan Negeri Perak 2020-2024	2
Jadual 2: Instrumen Kajian.....	6
Jadual 3: Populasi Penduduk Negeri Perak Mengikut Peringkat Umur	10
Jadual 4: Penyumbang Komponen Utama Hasil	23
Jadual 5: Latar Belakang Responden	26
Jadual 6: Tahap Kesedaran dan Platform Rakyat Mengetahui tentang Perak Sejahtera 2030	29
Jadual 7: Persepsi Rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030	31
Jadual 8: Peratus Rakyat yang Menerima Manfaat dari Inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030	33
Jadual 9: Persepsi Rakyat terhadap Inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030	35
Jadual 10: Pengetahuan Rakyat terhadap Projek Berimpak Tinggi di negeri Perak.....	37
Jadual 11: Persepsi Rakyat terhadap Projek Berimpak Tinggi di Negeri Perak.....	39
Jadual 12: Keadaan Isi Rumah Rakyat Negeri Perak	44
Jadual 13: Sektor Terkesan di Negeri Perak	45
Jadual 14: Komponen Perbelanjaan yang Menjadi Cabaran Rakyat	46
Jadual 15: Inisiatif Bersasar Kerajaan Negeri yang Perlu Ditambah Baik dan Diberi Penekanan	48
Jadual 16: Fokus Keutamaan Rakyat bagi Belanjawan 2026	50
Jadual 17: Matrik PESTEL-SWOT	53

SENARAI RAJAH

Rajah 1: KDNK Negeri Perak mengikut Sektor	12
Rajah 2: Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK Negeri Perak Mengikut Tahun	13
Rajah 3: Prestasi KDNK Negeri Perak Mengikut Sektor	15
Rajah 4: Pelaburan Negeri Perak bagi Tahun 2023 dan 2024	16
Rajah 5: Eksport dan Import Negeri Perak bagi Tahun 2019-2024	18
Rajah 6: Eksport Barangan Negeri Perak bagi Tahun 2019-2024	20
Rajah 7: Import Barangan Negeri Perak bagi Tahun 2019-2024	21
Rajah 8: Hasil dan Kadar Pertumbuhan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016-2023	22
Rajah 9: Komponen Hasil Cukai	23

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Belanjawan tahunan negeri merupakan satu elemen penting dan strategik dalam pembangunan sesebuah negeri. Belanjawan berfungsi sebagai alat perancangan, pengurusan sumber dan kawalan pembangunan yang umumnya direka bentuk oleh sekumpulan pakar dan pentadbir negeri agar visi dan misi pembangunan negeri berjalan mengikut perancangan sehingga membawa kepada kemakmuran negeri.

Setiap tahun, perhatian rakyat tertumpu pada belanjawan negeri kerana ia memberi gambaran tentang keutamaan program dan projek yang akan diberi keutamaan oleh kerajaan negeri. Selain itu, belanjawan juga mencerminkan dasar kerajaan negeri termasuklah dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan kesejahteraan sosial. Peruntukan kerajaan pada sektor ekonomi tertentu juga memperlihatkan usaha kerajaan negeri melaksanakan aktiviti pertumbuhan negeri seterusnya memberi ruang kepada rakyat untuk menilai usaha, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan yang dipilih untuk membawa rakyat kepada kemakmuran negeri secara bersama.

Negeri Perak berada pada kedudukan ke-6 dalam senarai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dengan pencapaian sekitar RM86.2 bilion bagi tahun berakhir 2024 (DOSM, 2025). Sektor ekonomi utama negeri Perak didominasi sektor perkhidmatan (>60%) dan sektor pembuatan menyumbang sekitar 19% kepada KDNK negeri. Lain-lain sektor ekonomi yang sedang berkembang adalah pertanian, pembinaan serta perlombongan dan pengkuarian (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)

Secara ringkasnya, Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan pelbagai pendekatan bagi memperkukuh ekonomi negeri. Jadual 1 memaparkan ringkasan tentang belanjawan negeri Perak yang telah diperuntukan dari tahun 2021 sehingga 2024. Berdasarkan maklumat yang dikongsikan pada Jadual 1 maka dapat dirumuskan bahawa belanjawan Negeri Perak menunjukkan peningkatan konsisten dari RM1.215 bilion (2021) ke RM 1.35 bilion (2024). Fokus utama belanjawan negeri adalah kesejahteraan rakyat, tadbir urus, modal insan dan belia, serta kelestarian

alam sekitar. Kejayaan mengekalkan akaun keseluruhan pada keadaan surplus (2022–2024) menunjukkan kewangan negeri berada di landasan yang sihat.

Jadual 1: Rumusan Prestasi Sebenar Belanjawan Negeri Perak 2020-2024

Tahun	Belanjawan (RM Bilion)	Mengurus	Pembangunan	Defisit / Surplus
2021	RM1.215 bilion	RM785.1 juta	RM430 juta	Defisit
2022	RM1.06 bilion	RM703.1 juta	RM357.4 juta	Surplus
2023	RM1.19 bilion	RM794 juta	RM395 juta	Surplus
2024	RM1.347 bilion	RM856.0 juta	RM491.0 juta	Surplus

Dalam merencana pembangunan negeri yang mampan, Kerajaan Negeri Perak telah melancarkan Pelan Perak Sejahtera 2030 dengan visi "Perak Makmur, Rakyat Sejahtera" pada 15 Jun 2022. Pelan yang menjadi tonggak kepada semua program atau inisiatif. Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2022 hingga 2030 memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri Perak untuk menjadikan negeri ini seimbang dari aspek ekonomi, sosial dan politik sehingga membawa kepada kesejahteraan hidup rakyat. Sembilan (9) agenda telah diperkenalkan dalam pelan ini merangkumi Sekuriti Makanan, Ekonomi Digital, Koridor TVET Malaysia, Perlombongan Bertanggungjawab, Pembuatan Keputusan Berpacuan Data, Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri, Pembangunan Sosial, Kelestarian Alam dan Biodiversiti dan Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Di atas kepentingan untuk mempunyai belanjawan negeri yang berhemah, maka adalah penting kajian Belanjawan 2026 Negeri Perak dilaksanakan agar pungutan suara rakyat turut didengari dan diambil kira dalam pembentukan belanjawan negeri.

1.2 Objektif

Kajian Belanjawan 2026 Negeri Perak dilaksanakan bagi memastikan penyediaan belanjawan negeri dapat berpaksikan kepada keperluan sebenar rakyat, sejajar dengan matlamat pembangunan sosioekonomi yang mampan dan inklusif di bawah aspirasi Perak Sejahtera 2030. Sehubungan itu, objektif ini dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu Objektif Pelaksanaan Kajian dan Objektif Kajian.

1.2.1 Objektif Pelaksanaan Kajian

Secara khususnya, objektif pelaksanaan kajian ini adalah untuk:

- 1.2.1.1 Mengenal pasti keperluan rakyat untuk dimuatkan dalam Belanjawan 2026 Negeri Perak;
- 1.2.1.2 Memastikan agihan peruntukan tahun 2026 sejajar dengan pelan Perak Sejahtera 2030 sebagai panduan dalam memenuhi keperluan utama rakyat; dan
- 1.2.1.3 Menggunakan pendekatan inklusif, berpaksikan data dan berorientasikan impak dalam penggubalan Belanjawan 2026 Negeri Perak.

1.2.2 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.2.2.1 Menilai tahap kesedaran rakyat terhadap kewujudan dan pelaksanaan pelan Perak Sejahtera 2030;
- 1.2.2.2 Menilai persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030;
- 1.2.2.3 Menilai keadaan kewangan isi rumah serta beban perbelanjaan utama yang dihadapi rakyat; dan
- 1.2.2.4 Mendapatkan pandangan dan cadangan rakyat terhadap penambahbaikan Belanjawan Negeri Perak 2026.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian Belanjawan Negeri Perak 2026 tidak hanya tertumpu kepada aspek belanjawan semata-mata, tetapi turut merangkumi elemen Kajian Denyut Nadi Rakyat bagi mengenal pasti tahap kesedaran, dan persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030. Pendekatan ini bertujuan memastikan penyediaan belanjawan negeri bukan sahaja berpaksikan kepada data fiskal, tetapi turut mengambil kira pandangan, keutamaan dan keperluan sebenar rakyat. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan dua (2) dimensi utama seperti berikut:

1.3.1 Tinjauan persepsi dan aspirasi rakyat Negeri Perak

Dimensi ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran, persepsi dan aspirasi rakyat terhadap hala tuju pembangunan Negeri Perak, khususnya berkaitan pelaksanaan Pelan Perak Sejahtera 2030. Dapatan daripada dimensi ini membantu menggambarkan denyut nadi sebenar masyarakat, sekali gus menjadi asas dalam memahami keutamaan dan harapan rakyat terhadap masa depan negeri.

1.3.2 Kajian Belanjawan 2026 Negeri Perak

Dimensi ini memberi tumpuan kepada pengumpulan input, pandangan dan cadangan rakyat terhadap penambahbaikan dasar serta keutamaan perbelanjaan dalam Belanjawan Negeri 2026. Kajian ini turut menelusuri bentuk intervensi dan inisiatif yang diharapkan oleh rakyat, termasuk bantuan bersasar, peningkatan pendapatan, pembangunan kemahiran serta penambahbaikan kemudahan awam dan infrastruktur. Hasil daripada kajian ini digunakan sebagai asas dalam merangka cadangan strategik dan sektor keutamaan bagi Belanjawan Negeri Perak 2026 agar lebih bersifat inklusif, responsif dan selaras dengan aspirasi rakyat serta matlamat Perak Sejahtera 2030.

1.4 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan bahagian yang penting dalam penyelidikan, ia digunakan untuk mencari penyelesaian masalah dan mencapai objektif yang ditetapkan. Bahagian ini akan membincangkan tentang reka bentuk, kaedah kajian dan analisis kajian.

1.4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif bagi mendapatkan data secara sistematik dan berstruktur. Instrumen kajian ini ialah borang soal selidik untuk mengukur persepsi, pandangan dan cadangan responden. Pengumpulan data dilaksanakan secara keadah temu bual bersemuka, di mana enumerator akan mengedarkan borang soal selidik kepada responden di lapangan. Kaedah ini dipilih bagi memastikan tahap kefahaman responden terhadap soalan yang diajukan adalah jelas serta mengurangkan ralat tafsiran semasa menjawab soal selidik.

1.4.2 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merupakan asas kepada penyelidikan kerana ia menyediakan pendekatan sistematik untuk mengumpul, menganalisis data dan mentafsir data secara berstruktur. Komponen ini penting supaya penyelidik dapat mengumpul maklumat yang berkaitan dengan berkesan, pemilihan responden yang tepat, dan menggunakan strategi yang sesuai untuk mengumpul data yang berkualiti tinggi. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tiga (3) bahagian iaitu sumber data, keadah pensampelan dan instrumen kajian.

1.4.2.1 Sumber Data

Kajian ini menggunakan data primer yang diperoleh melalui edaran borang soal selidik berstruktur kepada responden di seluruh Negeri Perak. Data dikumpul oleh enumerator terlatih secara temu bual bersemuka bagi memastikan ketepatan maklumat dan mengurangkan kesilapan tafsiran oleh responden. Selain itu, data sekunder turut digunakan bagi menyokong analisis dan perbandingan dapatan. Data sekunder ini diperoleh daripada sumber rasmi seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Pejabat Kewangan Negeri Perak (PKN), serta laporan berkaitan.

1.4.2.2 Kaedah Pensampelan

Kajian ini melibatkan responden daripada 12 daerah dan 59 Dewan Undangan Negeri (DUN) di Negeri Perak. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan berstrata (*stratified sampling*) bagi memastikan setiap daerah dan DUN diwakili secara seimbang mengikut populasi.

Pemilihan responden dibuat berdasarkan kriteria demografi utama seperti jantina, umur, tahap pendidikan, status pekerjaan dan kategori pendapatan isi rumah. Pendekatan ini membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap keperluan serta aspirasi rakyat di seluruh negeri.

1.4.2.3 Instrumen Kajian

Soal selidik ini terdiri daripada empat (4) bahagian iaitu:

Jadual 2: Instrumen Kajian

BAHAGIAN	PERINCIAN
Bahagian A	Bahagian ini merangkumi soalan latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, peringkat umur, kaum, agama, status perkahwinan, daerah menetap, pekerjaan, taraf pendidikan dan jumlah pendapatan isi rumah.
Bahagian B	Bahagian ini merupakan instrumen bagi mengukur tahap kesedaran rakyat terhadap kewujudan Perak Sejahtera 2030. Bagi menjawab persoalan kajian, antara soalan yang terkandung dalam bahagian ini adalah seperti yang berikut: - Tahap kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030 - Persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030
Bahagian C	Bahagian ini merupakan instrumen untuk menilai persepsi rakyat terhadap inisiatif di bawah pelan Perak Sejahtera 2030. Antara soalan yang terkandung di bahagian ini adalah seperti yang berikut: - Persepsi rakyat terhadap inisiatif lima (5) keperluan rakyat di bawah Perak Sejahtera 2030 - Persepsi rakyat projek berimpak tinggi di negeri Perak - Cadangan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030

Bahagian D	Bahagian D merupakan komponen utama soal selidik yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan, keutamaan dan cadangan rakyat terhadap penyediaan Belanjawan Negeri Perak 2026. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam Bahagian D adalah seperti berikut: - Keadaan kewangan isi rumah - Komponen perbelanjaan isi rumah yang paling yang memberi cabaran - Inisiatif bantuan bersasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Perak yang perlu diberi penekanan dan ditambah baik dalam Belanjawan Negeri Perak yang akan datang - Fokus keutamaan dalam Belanjawan Negeri Perak yang akan datang - Cadangan realistik yang perlu Kerajaan Negeri laksanakan dalam Belanjawan 2026.
------------	--

1.5 Tempoh dan Kawasan Kajian

Kajian Belanjawan 2026 Negeri Perak ini telah dilaksanakan di kesemua 12 daerah di Negeri Perak, merangkumi 59 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Cakupan menyeluruh ini bertujuan memastikan dapatan kajian mencerminkan aspirasi, keperluan serta keutamaan rakyat di seluruh negeri termasuk kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar.

Tempoh pelaksanaan kajian ini adalah dari Jun hingga Oktober 2025, melibatkan aktiviti utama seperti pengumpulan data sekunder, edaran borang soal selidik, dan analisis data.

1.6 Limitasi Kajian

Kajian Belanjawan 2026 Negeri Perak ini dilaksanakan dalam tempoh masa yang agak singkat dan melibatkan pelbagai peringkat pihak berkepentingan di seluruh negeri. Sehubungan itu, terdapat beberapa batasan yang dihadapi sepanjang pelaksanaan kajian yang perlu diberi perhatian dalam menilai keseluruhan dapatan.

Pertama, dari segi tempoh pelaksanaan, kajian ini dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2025 bagi memastikan dapatan dapat disalurkan tepat pada masanya untuk penyediaan Belanjawan Negeri 2026. Tempoh yang terhad ini sedikit sebanyak memberi kekangan kepada proses pengumpulan, pemprosesan dan pengesahan data secara mendalam.

Kedua, dari aspek liputan responden, walaupun kajian ini merangkumi kesemua 12 daerah dan 59 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Negeri Perak, masih terdapat beberapa kumpulan masyarakat yang mungkin kurang terlibat secara langsung, khususnya mereka yang berada di kawasan luar bandar atau pedalaman. Keadaan ini berpotensi memberi kesan terhadap representasi keseluruhan data.

Akhir sekali, beberapa item dalam soal selidik berasaskan persepsi dan pengalaman peribadi responden. Oleh itu, unsur subjektiviti tidak dapat dielakkan sepenuhnya, khususnya dalam soalan berkaitan kepuasan terhadap dasar kerajaan atau penilaian terhadap kesejahteraan hidup.

Walaupun begitu, kesemua batasan ini telah ditangani melalui pendekatan triangulasi data, dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi memastikan dapatan yang diperoleh adalah seimbang, sahih dan mencerminkan pandangan sebenar rakyat Negeri Perak. Limitasi yang dikenalpasti ini juga menjadi asas penting bagi penambahbaikan dalam pelaksanaan kajian belanjawan pada masa akan datang.

1.7 Struktur Laporan

Laporan ini disusun secara sistematik merangkumi lima (5) bahagian utama bagi memastikan penyampaian maklumat yang teratur dan mudah difahami. Bahagian pertama, pendahuluan akan memperincikan gambaran keseluruhan kajian yang meliputi pengenalan, objektif, skop, metodologi, tempoh serta kawasan pelaksanaan

kajian. Bahagian ini turut menjelaskan aspek limitasi serta struktur laporan bagi memberikan konteks dan kefahaman awal terhadap keseluruhan kajian yang dijalankan.

Bahagian 2 pula mengandungi sorotan dan dinamika ekonomi Negeri Perak memberi tumpuan kepada latar belakang dan konteks ekonomi semasa negeri Perak. Ia meliputi aspek populasi, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), prestasi pelaburan, statistik perdagangan antarabangsa serta hasil kerajaan negeri. Analisis dalam bahagian ini berfungsi sebagai asas kepada pemahaman terhadap kedudukan sosioekonomi negeri serta faktor yang mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunan semasa.

Bahagian 3 mengandungi dapatan Kajian mengandungi hasil utama daripada kajian lapangan yang dijalankan melibatkan pelbagai responden di seluruh negeri Perak. Bahagian ini membincangkan latar belakang responden, tahap kesedaran dan persepsi terhadap Perak Sejahtera 2030, pandangan terhadap pelbagai inisiatif di bawah pelan tersebut serta dapatan berkaitan Kajian Belanjawan Negeri Perak. Dapatan ini menjadi teras kepada analisis persepsi rakyat dan keutamaan mereka terhadap hala tuju pembangunan negeri.

Bahagian 4 iaitu Perbincangan, ia akan menghimpunkan analisis mendalam berdasarkan dapatan yang diperoleh dengan menggunakan pendekatan matriks PESTEL dan SWOT. Bahagian ini menilai kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran semasa negeri serta mencadangkan langkah-langkah strategik ke hadapan. Perbincangan ini penting untuk mengenal pasti bidang keutamaan yang perlu diberi perhatian dalam dasar pembangunan negeri. Akhir sekali, Rumusan di mana ia akan merangkumkan keseluruhan hasil kajian

2.0 SOROTAN DAN DINAMIKA EKONOMI NEGERI PERAK

Bahagian ini menghuraikan gambaran keseluruhan prestasi ekonomi Negeri Perak dalam tempoh 2024 hingga 2025, termasuk kedudukan fiskal kerajaan negeri, trend sektor utama, serta isu dan cabaran semasa yang memberi kesan kepada hala tuju pembangunan negeri. Penjelasan ini penting bagi memahami konteks sosioekonomi yang menjadi asas kepada penyediaan Belanjawan Negeri Perak 2026 serta penajajaran terhadap aspirasi Perak Sejahtera 2030.

2.1 Populasi

Negeri Perak meliputi kawasan seluas 20,875.7 kilometer persegi, menjadikannya antara negeri yang mempunyai keluasan daratan terbesar di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2024, jumlah penduduk Negeri Perak dianggarkan seramai 2.57 juta orang, dengan majoriti penduduk tergolong dalam kumpulan umur 15 hingga 64 tahun yang mewakili 68.9% daripada keseluruhan populasi.

Sementara itu, kumpulan umur 0 hingga 14 tahun merangkumi 21.2%, manakala 9.9% lagi terdiri daripada penduduk berumur 65 tahun dan ke atas. Struktur umur ini menunjukkan bahawa Perak masih mengekalkan profil penduduk yang produktif, dengan nisbah tenaga kerja aktif yang tinggi serta komposisi demografi yang seimbang antara golongan muda dan warga emas.

*Jadual 3: Populasi Penduduk Negeri Perak Mengikut Peringkat Umur
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)*

Kumpulan Umur	2023 (%)	2024 ^p (%)
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	21.8	21.2
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	68.5	68.9
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	9.7	9.9

Secara keseluruhannya, struktur penduduk Negeri Perak bagi tahun 2024 memperlihatkan komposisi yang masih seimbang antara kumpulan umur muda, bekerja dan tua. Walaupun bahagian penduduk berumur 65 tahun ke atas menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya, majoriti penduduk negeri ini masih terdiri daripada kumpulan usia produktif. Keadaan ini memberi kelebihan kepada negeri dalam mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial, di samping menuntut perhatian terhadap penyediaan

kemudahan serta dasar yang mesra warga emas seiring dengan peralihan ke arah populasi yang semakin menua.

2.2 Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Perak


Negeri Perak pernah muncul sebagai pengeluar utama bijih timah negara, khususnya pada era 1970-an, hasil daripada penemuan bijih timah di Larut, Matang pada tahun 1848 oleh Long Jaafar. Penemuan bersejarah ini menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pesat ekonomi negeri, menjadikan sektor perlombongan dan pengkuarian sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Perak serta ekonomi negara ketika itu.

Namun, seiring dengan perubahan struktur ekonomi dan perkembangan semasa, sektor perkhidmatan kini telah mengambil alih peranan sebagai pemacu utama ekonomi negeri. Selain sektor pertanian, pembuatan, pembinaan serta perlombongan dan pengkuarian terus memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi Negeri Perak. Perubahan struktur ini didorong oleh pelbagai faktor seperti pelaksanaan dasar ekonomi baharu oleh kerajaan persekutuan dan negeri, peningkatan kemahiran tenaga kerja, serta penguasaan teknologi dalam pelbagai sektor. Kemajuan tersebut secara tidak langsung telah memperkukuh daya saing ekonomi negeri di peringkat nasional.

Di samping itu, setiap daerah di Negeri Perak turut memiliki keunikan ekonomi tersendiri. Misalnya, Daerah Kerian yang terkenal sebagai pengeluar utama padi negeri, manakala Daerah Muallim kini sedang berkembang pesat sebagai Lembah Teknologi Tinggi Automotif (Automotive High-Tech Valley, AHTV), berpotensi menjadi hab industri automotif utama di Malaysia.

2.2.1 Sektor Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Perak

Negeri Perak pada tahun 2024 telah merekodkan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berjumlah RM86.2 bilion, pertumbuhan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2023. Nilai ini meletakkan negeri Perak sebagai negeri keenam penyumbang kepada KDNK Malaysia dengan sumbangan 5.2%. Sektor utama yang menyumbang kepada peningkatan KDNK adalah sektor perkhidmatan sebanyak 63.3%, diikuti dengan sektor pembuatan 19.4% dan sektor pertanian sebanyak 14.0%.



*Rajah 1: KDNK Negeri Perak mengikut Sektor
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)*


2.2.2 Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK Negeri Perak 2015-2024

Dalam tempoh sedekad yang lalu, ekonomi Negeri Perak menunjukkan trend pertumbuhan yang konsisten walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran luaran seperti pandemik COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi global. Berdasarkan rajah 2, nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Perak meningkat daripada RM63.2 bilion pada tahun 2015 kepada RM86.2 bilion pada tahun 2024, mencerminkan peningkatan daya tahan dan kemampuan negeri untuk mengekalkan momentum pembangunan ekonomi.

Dari segi kadar pertumbuhan tahunan, Perak mencatatkan purata pertumbuhan sekitar 4.0 hingga 5.0 peratus sebelum pandemik, dengan sedikit penyusutan kepada -2.3 peratus pada tahun 2020 akibat pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Namun, negeri ini berjaya pulih dengan kadar pertumbuhan 3.6% pada tahun 2021, 4.6% pada 2022, dan mengekalkan pertumbuhan positif sebanyak 2.7% pada 2023 serta 4.4% pada 2024.

Corak pertumbuhan ini menunjukkan bahawa ekonomi Negeri Perak bukan sahaja berdaya tahan terhadap kejutan luaran, tetapi juga mampu menyesuaikan diri dengan struktur ekonomi baharu yang berasaskan perkhidmatan dan industri bernilai tambah. Momentum positif ini turut disokong oleh kestabilan fiskal negeri serta pelaksanaan dasar pembangunan yang berpaksikan kesejahteraan rakyat di bawah kerangka Perak Sejahtera 2030.

Perkembangan yang konsisten ini meletakkan asas kukuh untuk memperkuat peranan Perak sebagai antara penyumbang utama kepada KDNK Malaysia. Bahagian seterusnya akan membandingkan kedudukan ekonomi Negeri Perak dengan negeri-negeri lain di Malaysia bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai prestasi dan daya saing negeri ini di peringkat nasional.



Rajah 2: Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK Negeri Perak Mengikut
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)

2.2.3 Perbandingan KDNK antara Negeri di Malaysia

Bagi menilai kedudukan ekonomi Negeri Perak dalam konteks nasional, analisis ini membandingkan sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri-negeri di Malaysia bagi tahun 2024. Berdasarkan Laporan Sosioekonomi Negeri Perak 2024, Perak kekal sebagai antara penyumbang utama kepada KDNK Malaysia dengan sumbangan 5.2%, meletakkannya di kedudukan keenam tertinggi selepas Selangor (26.2%), Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur (16.1%), Johor (9.6%), Sarawak (9.0%) dan Pulau Pinang (7.4%).


Dari segi sumbangan sektor pertanian, negeri Perak mencatatkan sumbangan 11.7% dan menjadi lima negeri teratas di Malaysia. Ini menunjukkan kekuatan negeri dalam pengeluaran makanan, tanaman kontan, serta aktiviti perikanan dan agromakanan yang terus menjadi tunjang ekonomi luar bandar.

Dalam sektor perkhidmatan, Perak merekodkan sumbangan 5.6%, mengekalkan kedudukan dalam enam negeri tertinggi. Pertumbuhan sektor ini banyak disokong oleh subsektor perdagangan, pendidikan, kesihatan dan pelancongan yang semakin berkembang, sejajar dengan transformasi ekonomi negeri ke arah perkhidmatan bernilai tambah tinggi.

Dalam sektor pembuatan, Perak mencatatkan sumbangan 4.4%, berada dalam tujuh negeri utama, menunjukkan potensi berterusan dalam industri berasaskan sumber serta pembuatan makanan dan logam. Bagi sektor perlombongan dan pengkuarian, Perak mengekalkan kedudukan dalam tujuh negeri teratas dengan sumbangan 0.5%, menandakan potensi untuk diterokai semula secara lebih mampan memandangkan negeri ini mempunyai sumber mineral yang melimpah.

Sementara itu, sektor pembinaan turut menunjukkan prestasi positif dengan sumbangan 3.4%, sekali gus meletakkan Perak dalam kelompok lapan negeri teratas. Ini mencerminkan peningkatan aktiviti pembangunan infrastruktur dan perumahan di seluruh negeri.

Secara keseluruhan, prestasi ini menunjukkan bahawa struktur ekonomi Negeri Perak kekal pelbagai dan berdaya tahan, dengan kekuatan dalam sektor tradisional seperti pertanian dan mineral, serta peningkatan berterusan dalam sektor moden seperti perkhidmatan, pembinaan dan pembuatan. Keupayaan negeri mengekalkan kedudukan dalam kelompok utama di peringkat nasional membuktikan daya saing dan potensi besar Perak sebagai hab pembangunan serantau di utara Semenanjung Malaysia.



Rajah 3: Prestasi KDNK Negeri Perak Mengikut Sektor
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)

2.3 Prestasi Pelaburan Negeri Perak


Prestasi pelaburan Negeri Perak bagi tahun 2024 menunjukkan perkembangan yang positif, khususnya dari aspek pelaburan domestik yang kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri. Berdasarkan data Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan yang diluluskan di Negeri Perak pada tahun 2024 adalah sebanyak RM8.74 bilion, meningkat sedikit berbanding RM8.50 bilion pada tahun 2023.

Daripada jumlah tersebut, pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM8.43 bilion, manakala pelaburan asing mencatat RM317.9 juta. Ini menjadikan pelaburan domestik sebagai penyumbang utama kepada 96% daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diterima oleh negeri. Peningkatan pelaburan ini mencerminkan keyakinan pelabur tempatan terhadap kestabilan ekonomi dan dasar pembangunan negeri, khususnya dalam sektor pembuatan, perkhidmatan serta aktiviti hiliran pertanian.

Dari segi impak terhadap pasaran buruh, pelaburan yang diluluskan bagi tahun 2024 dijangka menjana kira-kira 4,279 peluang pekerjaan baharu di seluruh negeri, berbanding 3,584 peluang pekerjaan pada tahun 2023 (MIDA, 2024). Kenaikan ini memberi isyarat positif terhadap daya tarikan pelaburan Perak yang semakin meningkat serta potensi perluasan aktiviti industri berintensif tenaga kerja.

Walaupun nilai pelaburan asing di Negeri Perak masih rendah berbanding negeri-negeri perindustrian utama seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang, prestasi yang stabil ini menunjukkan potensi negeri untuk terus memperkukuh ekosistem pelaburan melalui strategi yang lebih terarah. Antara langkah strategik yang sedang dilaksanakan ialah pembangunan Lembah Teknologi Tinggi Automotif (Automotive High-Tech Valley, AHTV) di Muallim serta perluasan Taman Industri Automotif Proton City yang dijangka menarik pelaburan bernilai tinggi dalam tempoh sederhana.

Secara keseluruhannya, prestasi pelaburan Negeri Perak bagi tahun 2024 mencerminkan hala tuju yang konsisten ke arah pembangunan ekonomi berasaskan industri dan teknologi. Peningkatan pelaburan domestik, digabungkan dengan potensi sektor automotif, mineral dan pertanian moden, bakal memperkukuh daya saing ekonomi negeri serta menyokong aspirasi Perak Sejahtera 2030 ke arah pertumbuhan yang mampan dan inklusif.



Rajah 4: Pelaburan Negeri Perak bagi Tahun 2023 dan 2024 (Sumber: MIDA, 2025)

2.4 Statistik Perdagangan Antarabangsa


Perdagangan antarabangsa merupakan antara komponen penting yang menyokong pertumbuhan ekonomi Negeri Perak. Aktiviti ini banyak dipacu oleh sektor pembuatan dan pertanian yang menjadi asas kepada eksport negeri. Sepanjang tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, prestasi perdagangan menunjukkan corak yang stabil, disokong oleh permintaan berterusan terhadap produk berasaskan sumber serta peningkatan keupayaan industri tempatan menyesuaikan diri dengan dinamik pasaran global.

2.4.1 Eksport dan Import Utama

Rajah di bawah memaparkan corak perdagangan antarabangsa Negeri Perak bagi tempoh enam (6) tahun dari 2019 hingga 2024. Carta ini menunjukkan nilai eksport dan import negeri dalam tempoh tersebut, sekali gus memberikan gambaran umum mengenai tahap penglibatan Negeri Perak dalam aktiviti perdagangan luar negara sepanjang tempoh berkenaan.

Melalui carta ini, dapat dilihat bahawa eksport dan import Negeri Perak kekal dalam julat yang konsisten dari tahun ke tahun. Corak ini membantu menggambarkan kestabilan aktiviti perdagangan negeri serta kepentingannya dalam menyokong pembangunan ekonomi negeri. Maklumat yang dipaparkan juga boleh dijadikan asas untuk memahami keseimbangan antara keupayaan pengeluaran barangan tempatan dan keperluan bahan atau barangan dari luar negeri yang menyokong pertumbuhan industri di Perak.

Carta ini turut berfungsi sebagai indikator penting bagi menilai hubungan perdagangan Negeri Perak dengan pasaran antarabangsa secara menyeluruh. Data yang ditunjukkan memberikan asas kepada pemantauan prestasi perdagangan negeri serta rujukan kepada perancangan strategik dalam memperkukuh kedudukan ekonomi negeri pada masa hadapan.



*Rajah 5: Eksport dan Import Negeri Perak bagi Tahun 2019-2024
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)*

2.4.1.1 Eksport Barangan

Eksport Negeri Perak pada tahun 2024 terus didorong oleh barangan berasaskan teknologi dan sumber semula jadi. Antara penyumbang utama ialah kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori, yang merekodkan nilai eksport tertinggi berjumlah sekitar RM8.0 bilion, dengan pertumbuhan yang kukuh berbanding tahun sebelumnya.

Produk berasaskan elektronik dan elektrik turut menunjukkan prestasi yang positif, termasuk litar elektronik bersepadu serta komponen elektrik dan elektronik lain yang merekodkan peningkatan berterusan dalam permintaan pasaran global. Sementara itu, produk berasaskan getah seperti sarung tangan getah kekal antara eksport utama negeri, mencerminkan kekuatan sektor pembuatan berorientasikan kesihatan dan industri lateks.

Bagi sektor berasaskan sumber, minyak kelapa sawit dan produk hilirannya juga mencatat peningkatan yang ketara, didorong oleh pasaran eksport yang semakin meluas. Gabungan produk teknologi dan komoditi ini memperlihatkan kepelbagaian struktur eksport Negeri

Perak, yang tidak hanya bergantung kepada satu jenis industri, tetapi meliputi sektor berasaskan pembuatan, pertanian dan bahan mentah yang menyokong daya saing ekonomi negeri di pasaran antarabangsa.

Pada tahun 2024, pasaran eksport Negeri Perak kekal tertumpu kepada beberapa rakan dagang utama di peringkat global. Amerika Syarikat merupakan destinasi eksport terbesar dengan nilai dagangan sekitar RM9.3 bilion, menunjukkan hubungan perdagangan yang kukuh dan berterusan dengan pasaran tersebut.

China muncul sebagai destinasi kedua tertinggi dengan nilai eksport berjumlah RM5.4 bilion, diikuti oleh Singapura sebanyak RM3.6 bilion. Sementara itu, Hong Kong dan India turut menjadi pasaran penting bagi Negeri Perak dengan nilai eksport masing-masing dianggarkan RM2.4 bilion dan RM2.3 bilion.

Corak ini memperlihatkan kepelbagaian pasaran eksport Negeri Perak yang meliputi negara-negara maju serta pasaran Asia yang dinamik. Kebergantungan terhadap beberapa rakan dagang utama ini juga menunjukkan keperluan untuk terus memperkukuh strategi diversifikasi pasaran bagi mengekalkan daya saing eksport negeri dalam jangka panjang.

Komoditi utama	Eksport barangan (RM juta)						Peratus perubahan 2024 ^F /2023 ^F
	2019	2020	2021	2022	2023 ^F	2024 ^F	
Jumlah eksport barangan	28,916	30,968	39,338	37,466	32,377	41,807	29.1
Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori	2,969	3,800	3,453	4,735	4,783	7,981	66.9
Litar elektronik bersepadu	3,526	3,685	4,427	4,943	4,049	4,320	6.7
Sarung tangan getah	3,957	6,897	11,832	3,685	2,674	3,694	38.2
Minyak kelapa sawit	716	1,663	1,546	2,741	1,837	2,996	63.1
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	2,153	1,228	1,105	1,063	1,263	1,662	31.6

*Rajah 6: Eksport Barangan Negeri Perak bagi Tahun 2019-2024
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)*

2.4.1.2 Import Barangan

Bagi tahun 2024, struktur import Negeri Perak banyak dipengaruhi oleh keperluan bahan dan komponen industri berteknologi. Antara barangan import utama ialah kelengkapan telekomunikasi serta alat ganti dan aksesori, yang mencatatkan nilai tertinggi dalam keseluruhan import negeri. Barangan ini diikuti oleh kristal piezoelektrik dan alat ganti, litar elektronik bersepadu, serta perkakas dan komponen elektrik dan elektronik lain, termasuk alat ganti sistem litar elektrik yang terus menunjukkan kebergantungan tinggi terhadap input industri bernilai tambah.

Corak ini memperlihatkan bahawa aktiviti perindustrian dan pembuatan di Negeri Perak bergantung rapat kepada bekalan bahan mentah serta komponen teknologi dari luar negara, selaras dengan perkembangan sektor pembuatan yang semakin kompleks dan berasaskan automasi.

Dari segi sumber import, China kekal sebagai rakan dagang utama Negeri Perak dengan nilai import berjumlah RM10.3 bilion, diikuti oleh Brazil sebanyak RM4.2 bilion. Seterusnya, Amerika Syarikat (RM3.3

bilion), Taiwan (RM2.6 bilion) dan Thailand (RM1.8 bilion) turut menjadi antara negara pembekal utama. Kepelbagaian sumber ini menunjukkan hubungan perdagangan antarabangsa Negeri Perak yang luas, meliputi pasaran Asia dan benua Amerika.

Komoditi utama	Import barangan (RM juta)						Peratus perubahan 2024 ^f /2023 ^f
	2019	2020	2021	2022	2023 ^f	2024 ^f	
Jumlah import barangan	27,288	25,883	31,958	36,467	33,781	34,103	1.0
Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori	351	431	412	285	1,141	4,621	304.9
Kristal piezo elektrik & alat ganti	2,686	2,973	2,830	3,228	4,396	4,474	1.8
Litar elektronik bersepadu	1,532	1,730	2,141	2,361	2,076	2,081	0.3
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	960	983	1,311	1,147	1,108	1,991	79.7
Perkakas litar elektrik & alat ganti	701	723	545	551	538	656	21.9


*Rajah 7: Import Barangan Negeri Perak bagi Tahun 2019-2024
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)*

2.5 Hasil Kerajaan Negeri Perak

Hasil negeri memainkan peranan yang penting bagi memastikan kelangsungan fungsi pentadbiran serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Bagi tahun 2023, kutipan hasil Kerajaan Negeri Perak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan peningkatan sebanyak 11.0%, iaitu daripada RM1,093.7 juta pada tahun 2022 kepada RM1,213.7 juta pada tahun 2023.


Peningkatan hasil ini dipacu terutamanya oleh pertumbuhan dalam dua komponen utama, iaitu hasil bukan cukai dan hasil cukai, yang masing-masing merekodkan tambahan RM69.8 juta dan RM52.2 juta berbanding tahun sebelumnya. Keadaan ini mencerminkan keberkesanan langkah kerajaan negeri dalam

memperkukuh tadbir urus kewangan, memperluas sumber pendapatan serta memastikan pengurusan hasil kekal mampan.



*Rajah 8: Hasil dan Kadar Pertumbuhan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016-2023
(Sumber: Laporan Audit Negara)*

Daripada keseluruhan kutipan hasil pada tahun 2023, hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama kepada pendapatan Kerajaan Negeri Perak, merangkumi 46.1% daripada jumlah keseluruhan hasil negeri. Komponen ini meliputi cukai tanah, royalti, cukai keluaran hutan, cukai hiburan, levi pindah milik serta cukai parit dan tali air yang menjadi sumber pendapatan berulang dan penting bagi menampung perbelanjaan pengurusan serta pembangunan negeri.



*Rajah 9: Komponen Hasil Cukai
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)*

Daripada komponen hasil cukai, cukai tanah merupakan penyumbang terbesar kepada hasil Kerajaan Negeri Perak dengan nilai kutipan sebanyak RM372.7 juta. Sumber penting lain termasuk royalti hasil bumi yang berjumlah RM160.1 juta, mencerminkan sumbangan sektor sumber asli terhadap pendapatan negeri.

Selain itu, beberapa sumber hasil lain turut menyumbang kepada pendapatan negeri seperti cukai keluaran hutan, cukai hiburan, levi pindah milik tanah, serta cukai parit dan tali air. Kesemua komponen ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh asas kewangan negeri serta memastikan kestabilan hasil bagi menampung perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan.

*Jadual 4: Penyumbang Komponen Utama Hasil
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)*

Penyumbang utama hasil	Nilai (RM juta)	
	2022	2023
Cukai tanah	353.5	372.7
Royalti	127.6	160.1
Cukai Keluaran Hutan	14.7	14.6
Cukai Hiburan	10.1	10.3
Levi Pindah Milik	1.3	1.9
Cukai Parit dan Tali Air	0.5	0.5

3.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan menghuraikan dapatan utama hasil kajian lapangan di seluruh negeri Perak. Ia akan dibahagikan kepada empat (4) bahagian iaitu: (1) latar belakang responden, (2) tahap kesedaran dan persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030, (3) persepsi rakyat terhadap inisiatif di bawah pelan Perak Sejahtera 2030, dan (4) kajian Belanjawan Negeri.

3.1 Latar Belakang Responden

Kajian ini telah melibatkan seramai 4,833 orang responden yang mewakili pelbagai latar belakang sosioekonomi di seluruh 12 daerah di Negeri Perak. Taburan responden ini merangkumi keseimbangan dari segi jantina, umur, kaum, status perkahwinan, pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan isi rumah, sekaligus memastikan dapatan yang diperoleh bersifat menyeluruh serta mewakili populasi negeri secara realistik.

Dari segi jantina, komposisi responden menunjukkan keseimbangan yang baik antara lelaki (51%) dan perempuan (49%). Hal ini mencerminkan penglibatan setara antara kedua-dua jantina dalam menyuarakan pandangan terhadap isu-isu pembangunan negeri. Dari aspek umur, majoriti responden berusia antara 31 hingga 40 tahun (38%), diikuti kumpulan 18 hingga 30 tahun (24%) dan 41 hingga 50 tahun (19%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden terdiri daripada kumpulan umur produktif yang sedang aktif dalam pasaran kerja dan kehidupan sosial, menjadikan pandangan mereka relevan terhadap dasar ekonomi serta kesejahteraan semasa.

Dari segi komposisi kaum, majoriti responden adalah daripada kaum Melayu (59%), diikuti Cina (29%), India (9%), manakala selebihnya terdiri daripada Orang Asal (1%) dan lain-lain etnik (1%). Taburan ini hampir sejajar dengan struktur penduduk Negeri Perak, sekaligus memberi jaminan bahawa dapatan kajian mencerminkan kepelbagaian pandangan antara kaum.

Dalam konteks status perkahwinan, lebih dua pertiga responden merupakan golongan berkahwin (69%), manakala 25% adalah bujang, dan selebihnya terdiri daripada balu/duda (4%) serta bercerai atau berpisah (2%). Corak ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai tanggungan keluarga, menjadikan

keutamaan mereka terhadap isu kos sara hidup, pendidikan dan kebajikan keluarga lebih signifikan dalam dapatan kajian.

Dari sudut taburan daerah, penyertaan tertinggi datang daripada Daerah Kinta (33%), diikuti Larut, Matang dan Selama (11%), serta Manjung (10%). Tiga daerah ini mewakili kawasan tumpuan penduduk bandar dan pinggir bandar yang menjadi nadi kepada aktiviti ekonomi utama negeri. Daerah-daerah lain seperti Kuala Kangsar (8%), Kerian (6%), Hulu Perak (6%), dan Hilir Perak (6%) turut memberi sumbangan penting kepada keseimbangan geografi responden, memastikan pandangan dari kawasan luar bandar juga diambil kira.

Dari aspek pekerjaan, kajian mendapati hampir separuh responden bekerja dalam sektor formal iaitu sektor swasta (28%) dan sektor kerajaan (26%). Manakala 15% merupakan usahawan atau bekerja sendiri dalam bidang perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selebihnya terdiri daripada pelajar (14%), pekerja gig (3%), serta mereka yang terlibat dalam pertubuhan bukan kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan. Ini menunjukkan kepelbagaian corak pekerjaan yang wujud dalam populasi kajian, sejajar dengan struktur ekonomi negeri yang berasaskan sektor perkhidmatan dan perusahaan kecil.

Dari segi taraf pendidikan, majoriti responden memiliki kelulusan Diploma (29%) dan Ijazah Sarjana Muda (24%), manakala 18% mempunyai kelulusan sijil atau kemahiran teknikal. Hanya sebilangan kecil responden (2%) berada pada tahap pendidikan rendah atau tidak bersekolah. Keputusan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mempunyai tahap pendidikan menengah hingga tinggi, yang secara tidak langsung meningkatkan kualiti dan kejelasan pandangan dalam soal selidik yang dijalankan.

Akhir sekali, dari aspek pendapatan isi rumah bulanan, majoriti responden berpendapatan antara RM2,298 hingga RM7,919 (76%), manakala 17% berpendapatan di bawah RM2,297 dan 7% memperoleh pendapatan melebihi RM7,920 sebulan. Corak ini menunjukkan julat ekonomi responden yang pelbagai, dengan sebahagian besar berada dalam kumpulan pendapatan sederhana yang terdedah kepada tekanan kos sara hidup semasa.

Secara keseluruhannya, profil demografi ini menunjukkan bahawa kajian lapangan ini berjaya memperoleh pandangan yang holistik dan representatif terhadap

populasi negeri Perak. Gabungan antara pelbagai latar belakang responden membolehkan analisis dilakukan secara lebih mendalam dalam mengenal pasti isu, persepsi dan keutamaan sebenar rakyat terhadap dasar pembangunan negeri.

Jadual 5: Latar Belakang Responden

Item dan Klasifikasi	N	%
Jantina		
Lelaki	2,469	51
Perempuan	2,364	49
Jumlah	4,833	100%
Umur		
13-17 tahun	27	27%
18-30 tahun	1,152	24%
31-40 tahun	1,846	38%
41-50 tahun	939	19%
51-60 tahun	433	9%
61 tahun ke atas	192	4%
Jumlah	4,833	100%
Kaum		
Melayu	2,873	59%
Cina	1,420	29%
India	449	9%
Orang Asal	59	1%
Lain-lain	32	1%
Jumlah	4,833	100%
Status Perkahwinan		
Bujang	1,200	25%
Berkahwin	3,323	69%
Bercerai/Berpisah	98	2%
Balu/Duda	212	4%
Jumlah	4,833	100%
Daerah		
Bagan Datuk	141	3%
Batang Padang	185	4%
Hilir Perak	274	6%
Hulu Perak	297	6%
Kampar	258	5%
Kerian	283	6%
Kinta	1,599	33%
Kuala Kangsar	406	8%
Larut, Matang dan Selama	550	11%

Manjung	462	10%
Muallim	166	3%
Perak Tengah	212	4%
Jumlah	4,833	100%
Pekerjaan		
Tiada Bekerja	300	6%
Pelajar	697	14%
Kerajaan	1,257	26%
Swasta	1,376	28%
Perusahaan/Perniagaan	724	15%
Syarikat Berkaitan Kerajaan	196	4%
Pertubuhan Bukan Kerajaan	149	3%
Pekerja Gig	134	3%
Jumlah	4,833	100%
Taraf Pendidikan		
Tidak Bersekolah	42	1%
Sekolah Rendah	49	1%
Sekolah Menengah	970	20%
Sijil/Kemahiran	869	18%
Diploma	1,411	29%
Ijazah Sarjana Muda	1,145	24%
Ijazah Sarjana	315	7%
Doktor Falsafah	32	1%
Jumlah	4,833	100%
Pendapatan Isi Rumah Bulanan		
Bawah RM1,084	203	4%
RM1,085 – RM2,297	640	13%
RM2,298 - RM3,790	1,857	38%
RM3,791-RM7,919	1,815	38%
Melebihi RM7,920	318	7%
Jumlah	4,833	100%

3.2 Tahap kesedaran dan persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030

3.2.1 Tahap kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030

Kajian lapangan ini turut menilai tahap kesedaran rakyat terhadap pelaksanaan Perak Sejahtera 2030, iaitu plan pembangunan negeri yang menjadi tonggak utama hala tuju pentadbiran Kerajaan Negeri Perak. Soalan berkaitan kesedaran dan sumber maklumat digunakan untuk mengenal pasti sejauh mana rakyat mengetahui, memahami serta mengikuti pelaksanaan inisiatif di bawah agenda tersebut.

Hasil tinjauan menunjukkan bahawa tahap kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030 berada pada tahap yang sangat tinggi, di mana seramai 4,798 orang responden (99%) menyatakan bahawa mereka mengetahui tentang Perak Sejahtera 2030, manakala hanya 1% responden mengakui belum pernah mendengar atau tidak mengetahui mengenainya. Dapatan ini menunjukkan bahawa mesej dan promosi berkaitan pelan pembangunan ini telah sampai kepada hampir keseluruhan lapisan masyarakat negeri.

Dari segi sumber maklumat utama, keputusan kajian mendapati bahawa media sosial merupakan saluran paling dominan, dengan 43% responden menyatakan bahawa mereka memperoleh maklumat berkaitan Perak Sejahtera 2030 melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok dan X (Twitter). Ini jelas menggambarkan bahawa media digital memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi utama antara kerajaan dan rakyat, terutamanya dalam kalangan golongan muda serta masyarakat bandar.

Selain itu, 12% responden mengetahui tentang pelan ini melalui program anjuran kerajaan, termasuk majlis pelancaran, jelajah ke daerah-daerah di negeri Perak, pameran dan sesi libat urus awam yang dilaksanakan oleh agensi negeri. Hal ini menunjukkan keberkesanan program lapangan dan pendekatan bersemuka dalam menyebarkan maklumat dasar kepada komuniti setempat.

Sebanyak 11% responden pula mengenali Perak Sejahtera 2030 melalui laman sesawang rasmi kerajaan, manakala 6% melalui radio, 6% lagi melalui papan iklan, dan 4% melalui brosur atau bahan bercetak. Sementara itu, 13% responden menyatakan mereka mengenali pelan tersebut melalui sumber lain, termasuk rakan-rakan, organisasi tempatan, dan saluran tidak rasmi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pelbagai medium komunikasi telah memainkan peranan pelengkap antara satu sama lain dengan media sosial menjadi saluran utama penyebaran, manakala medium tradisional seperti radio, surat khabar dan papan iklan masih relevan terutama bagi kumpulan umur lebih berusia atau masyarakat luar bandar.

Secara keseluruhannya, hasil tinjauan ini membuktikan bahawa tahap kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030 adalah sangat positif dan meluas. Walau bagaimanapun, aspek pemahaman mendalam terhadap kandungan dan teras

strategi pelan ini masih memerlukan pengukuhan melalui komunikasi dua hala yang lebih efektif, khususnya di peringkat akar umbi. Ini penting bagi memastikan rakyat bukan sahaja tahu tentang agenda tersebut, tetapi juga memahami peranan mereka sebagai rakan pelaksana dalam menjayakan aspirasi negeri menjelang tahun 2030.

Jadual 6: Tahap Kesedaran dan Platform Rakyat Mengetahui tentang Perak Sejahtera 2030

Item dan Klasifikasi	N	%
Tahap Kesedaran Rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030		
Ya	4,798	99
Tidak	35	1
Jumlah	4,833	100%
Platform		
Media Sosial	2,048	43%
Brosur	193	4%
Radio	277	6%
Papan Iklan	303	6%
Laman Sesawang	525	11%
Surat Khabar	208	4%
Program Kerajaan	597	12%
Lain-lain	647	13%
Jumlah	4,798	100%

3.2.2 Persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030

Kajian ini turut menilai tahap persepsi rakyat terhadap keberkesanan pelaksanaan dan penyampaian maklumat berkaitan Perak Sejahtera 2030. Penilaian ini menggunakan skala Likert lima mata bagi menilai sejauh mana rakyat bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan, merangkumi aspek komunikasi dasar, capaian maklumat, keprihatinan terhadap keperluan rakyat, pelaksanaan pelan serta kepuasan keseluruhan.

Keputusan menunjukkan bahawa persepsi rakyat terhadap pelan ini berada pada tahap yang tinggi, dengan skor min keseluruhan melebihi 4.30 bagi setiap item penilaian. Ini menggambarkan penerimaan positif dan keyakinan tinggi masyarakat terhadap usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan agenda pembangunan Perak Sejahtera 2030.

Bagi aspek penyampaian maklumat, responden memberikan skor min 4.38, menunjukkan bahawa rakyat berpendapat saluran komunikasi kerajaan berkesan dalam menyampaikan maklumat berkaitan pelan ini. Majoriti responden menyatakan

bahawa mesej dasar sampai dengan jelas melalui pelbagai medium, terutamanya media sosial, laman sesawang rasmi, dan program kerajaan di peringkat komuniti.

Dari segi capaian maklumat, skor min yang direkodkan ialah 4.35, menandakan rakyat berpendapat maklumat mengenai pelan ini mudah diakses. Ini menunjukkan keberkesanan strategi komunikasi pelbagai platform yang digunakan, termasuk medium digital, bahan bercetak, serta inisiatif promosi di peringkat daerah.

Bagi aspek keprihatinan pelan terhadap keperluan rakyat, skor min 4.36 menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi. Dapatan ini mencerminkan bahawa rakyat merasakan dasar dan strategi yang digariskan dalam Perak Sejahtera 2030 mengambil kira kepentingan masyarakat umum, termasuk aspek kebajikan, ekonomi, pendidikan dan kesejahteraan sosial.

Dari sudut pelaksanaan pelan, rakyat turut menunjukkan keyakinan yang tinggi dengan skor min 4.34. Ini menunjukkan bahawa masyarakat menilai pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan berada di landasan yang betul, walaupun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam memastikan impaknya dirasakan secara menyeluruh di semua lapisan masyarakat.

Akhir sekali, bagi penilaian kepuasan keseluruhan terhadap pelan, responden memberikan skor min 4.36, menandakan tahap kepuasan yang sangat terhadap hala tuju dan pelaksanaan agenda Perak Sejahtera 2030 secara umum.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa rakyat negeri Perak bukan sahaja sedar akan kewujudan pelan pembangunan negeri ini, malah menilai pelaksanaannya secara positif. Persepsi yang tinggi ini menjadi petunjuk penting bahawa rakyat menyokong agenda pembangunan negeri, namun pada masa yang sama menuntut agar pelaksanaannya terus diperkasa dengan pendekatan yang lebih telus, inklusif dan berasaskan keperluan sebenar rakyat.

Jadual 7: Persepsi Rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030

No.	Soalan	Skala Likert					Skor Min	Tahap
		STS (1)	TS (2)	N (3)	S (4)	SS (5)		
		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
1.	Penyampaian maklumat mengenai pelan ini berkesan	2	2	36	2,870	1,888	4.38	Tinggi
		0	0	1	60	39		
2.	Capaian maklumat mengenai pelan ini adalah mudah	4	3	42	3,013	1,736	4.35	Tinggi
		0	0	1	63	36		
3.	Mengambil kira keperluan rakyat	5	0	33	2,997	1,763	4.36	Tinggi
		0	0	1	62	37		
4.	Pelaksanaan pelan	4	4	45	3,043	1,702	4.34	Tinggi
		0	0	1	63	35		
5.	Secara keseluruhan, pelan ini adalah memuaskan	3	3	38	2,973	1,781	4.36	Tinggi
		0	0	1	62	37		

3.3 Persepsi rakyat terhadap inisiatif di bawah pelan Perak Sejahtera 2030

3.3.1 Persepsi terhadap inisiatif di bawah pelan Perak Sejahtera 2030

Kajian ini turut meneliti sejauh mana rakyat negeri Perak telah menerima manfaat secara langsung daripada pelbagai program yang dilaksanakan di bawah pelan Perak Sejahtera 2030. Soalan ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan dasar serta impak program terhadap kesejahteraan rakyat dalam lima bidang utama, iaitu keterjaminan makanan, pemilikan rumah, peluang pekerjaan, pembangunan modal insan dan belia, serta kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Secara keseluruhannya, hasil tinjauan menunjukkan bahawa rakyat negeri Perak memberikan maklum balas yang amat positif terhadap pelaksanaan program di bawah Perak Sejahtera 2030, dengan peratusan penerimaan manfaat melebihi 98% bagi semua kategori yang diukur.

Bagi aspek bekalan makanan mencukupi, sebanyak 99.5% responden menyatakan bahawa mereka merasai manfaat daripada inisiatif kerajaan yang berkaitan keselamatan makanan dan kestabilan harga barangan asas. Ini menunjukkan keberkesanan pelaksanaan program yang menyokong rantai bekalan makanan, termasuk usaha pengukuhan sektor pertanian dan agromakanan negeri.

Dalam aspek pemilikan rumah, 98% responden melaporkan telah menerima manfaat daripada program perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Dapatan ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan rakyat berpeluang memiliki kediaman yang selamat, kondusif dan berpatutan.

Bagi peluang pekerjaan berkualiti, 98.3% responden bersetuju bahawa program yang dilaksanakan telah memberi peluang pekerjaan baharu serta peningkatan kemahiran melalui pelbagai inisiatif keusahawanan, latihan dan penempatan kerja. Ini sejajar dengan matlamat Perak Sejahtera 2030 untuk memperkukuh ekonomi berasaskan kemahiran dan inovasi.

Seterusnya, dalam aspek pembangunan modal insan dan belia, sebanyak 98.9% responden menyatakan mereka telah menerima manfaat daripada program latihan, pendidikan dan pembangunan kapasiti yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan negeri. Ini membuktikan bahawa dasar pembangunan insan dan belia memainkan peranan penting dalam memperkasa potensi generasi muda negeri Perak.

Akhir sekali, bagi aspek kesihatan dan kesejahteraan rakyat, hampir keseluruhan responden (99.4%) melaporkan telah menerima manfaat melalui pelbagai inisiatif kesihatan awam, kempen kesedaran, serta penambahbaikan fasiliti kesihatan di peringkat komuniti. Dapatan ini menandakan keberkesanan pelaksanaan program kesejahteraan rakyat yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup secara menyeluruh.

Secara ringkasnya, hampir semua responden dalam kajian ini telah merasai manfaat daripada program yang dilaksanakan di bawah Perak Sejahtera 2030. Keputusan ini membuktikan bahawa pelan ini bukan sahaja dikenali dan difahami oleh rakyat, tetapi juga telah diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dasar dan program yang memberi kesan langsung terhadap kehidupan masyarakat negeri Perak.

Jadual 8: Peratus Rakyat yang Menerima Manfaat dari Inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030

Pernyataan	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus(%)	Bilangan	Peratus(%)
Bekalan makanan mencukupi	4,808	99.5	25	0.5
Pemilikan rumah	4,736	98.0	97	2.0
Peluang pekerjaan berkualiti	4,753	98.3	80	1.7
Pembangunan modal insan dan belia	4,781	98.9	52	1.1
Kesihatan dan kesejahteraan	4,803	99.4	30	0.6

Kajian turut menilai persepsi rakyat terhadap keberkesanan pelaksanaan program, projek dan inisiatif kerajaan negeri yang dirangka di bawah lima keperluan utama rakyat sebagaimana digariskan dalam agenda Perak Sejahtera 2030. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap persepsi rakyat terhadap kelima-lima keperluan ini berada pada tahap tinggi, dengan skor min antara 4.32 hingga 4.39 bagi setiap item. Dapatan ini membuktikan bahawa masyarakat Perak menilai program dan inisiatif kerajaan sebagai berkesan serta memberi impak positif kepada kesejahteraan hidup mereka.

Bagi aspek bekalan makanan mencukupi, skor min yang direkodkan ialah 4.39, menunjukkan persepsi positif rakyat terhadap pelbagai usaha kerajaan dalam memastikan kestabilan bekalan makanan di pasaran tempatan. Sebahagian besar responden (lebih 98%) menilai program yang berkaitan seperti peningkatan hasil pertanian, pengukuhan jaringan agrok komuniti dan kawalan harga barangan asas sebagai memuaskan hingga sangat memuaskan.

Dari segi pemilikan rumah, skor min yang diperoleh ialah 4.32, menandakan bahawa inisiatif kerajaan negeri melalui program perumahan mampu milik dan skim sewa-beli mendapat maklum balas positif daripada rakyat. Walaupun begitu, dapatan menunjukkan keperluan untuk memperluas akses kepada kumpulan berpendapatan sederhana dan muda yang masih bergelut dengan kemampuan membeli rumah pertama.

Bagi peluang pekerjaan berkualiti, rakyat memberikan skor min 4.39, mencerminkan tahap kepuasan tinggi terhadap pelaksanaan program latihan kemahiran, penempatan kerja serta galakan keusahawanan yang diperkenalkan. Responden mengakui bahawa pelbagai inisiatif yang diwujudkan telah meningkatkan

peluang pekerjaan dalam sektor baharu seperti pelancongan, teknologi dan ekonomi hijau.

Dalam aspek pembangunan modal insan dan belia, skor min 4.33 menunjukkan penilaian positif terhadap program yang memberi tumpuan kepada pendidikan, latihan dan pembangunan kepimpinan belia. Program seperti latihan teknikal, bimbingan keusahawanan, serta penglibatan belia dalam aktiviti komuniti telah berjaya meningkatkan potensi serta keterlibatan golongan muda dalam pembangunan negeri.

Akhir sekali, bagi aspek kesihatan dan kesejahteraan masyarakat, skor min 4.35 menunjukkan bahawa rakyat berpuas hati dengan usaha kerajaan dalam memperkukuh sistem kesihatan awam dan kempen kesedaran gaya hidup sihat. Pelbagai program saringan kesihatan, kesedaran pemakanan seimbang, dan kemudahan rawatan komuniti telah memberi kesan positif kepada kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Secara ringkasnya, dapatan ini menunjukkan bahawa rakyat negeri Perak menilai program dan inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030 sebagai bermanfaat dan berimpak tinggi terhadap kehidupan mereka. Walaupun tahap persepsi keseluruhan adalah tinggi, pelaksanaan dasar wajar terus diperkukuh melalui pendekatan yang lebih seimbang, inklusif dan responsif terhadap keperluan rakyat di pelbagai daerah dan segmen masyarakat.

Jadual 9: Persepsi Rakyat terhadap Inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030

No.	Soalan	Skala Likert					Skor Min	Tahap
		STM (1)	TM (2)	N (3)	M (4)	SM (5)		
		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
1.	Bekalan makanan mencukupi	2	5	62	2,816	1,948	4.39	Tinggi
		0	0.1	1.3	58.3	40.3		
2.	Pemilikan rumah	5	5	85	3,072	1,666	4.32	Tinggi
		0.1	0.1	1.8	34.5	63.6		
3.	Peluang pekerjaan berkualiti	2	6	82	3,006	1,737	4.39	Tinggi
		0	0.1	1.7	62.2	35.9		
4.	Pembangunan modal insan dan belia	3	6	73	3,056	1,695	4.33	Tinggi
		0.1	0.1	1.5	63.2	35.1		
5.	Kesihatan dan kesejahteraan	2	1	68	2,977	1,785	4.35	Tinggi
		0	0	1.4	61.6	36.9		

3.3.2 Persepsi rakyat terhadap lima (5) projek berimpak tinggi negeri Perak

Selain menilai tahap kesedaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar di bawah Perak Sejahtera 2030, kajian ini turut meninjau persepsi rakyat terhadap lima (5) projek berimpak tinggi negeri Perak yang dikenal pasti sebagai pemacu utama pembangunan ekonomi negeri. Projek-projek ini merangkumi Automotive High Technology Valley (AHTV), Lumut Maritime Industrial City (LuMIC), Perak Halal Industrial Park (Perak HIP), Silver Valley Technology Park (SVTP), dan Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP).

Hasil kajian menunjukkan bahawa rakyat Perak mempunyai tahap kesedaran dan persepsi yang sangat positif terhadap kelima-lima projek strategik ini, dengan purata lebih 97% responden menyatakan mereka mengetahui serta mengakui kepentingan projek tersebut terhadap pembangunan negeri.

Bagi projek Automotive High Technology Valley (AHTV), sebanyak 97.6% responden menyatakan bahawa mereka mengetahui mengenai pelaksanaan projek ini dan berpendapat ia mampu menjadikan Perak sebagai hab automotif baharu berasaskan teknologi tinggi. Rakyat menilai AHTV sebagai inisiatif penting dalam

membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, terutama bagi golongan muda dan graduan teknikal

Projek Lumut Maritime Industrial City (LuMIC) turut menerima maklum balas positif dengan 98.3% responden menyatakan kesedaran dan sokongan terhadapnya. LuMIC dilihat berpotensi besar sebagai pemangkin ekonomi maritim negeri melalui pembangunan industri berasaskan pelabuhan, logistik dan perkhidmatan sokongan maritim, sekali gus memperkukuh kedudukan Manjung sebagai zon perindustrian strategik di pesisir barat negeri.

Seterusnya, Perak Halal Industrial Park (Perak HIP) mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 99.1% responden yang menyatakan mereka mengetahui dan menyokong pembangunan taman industri halal ini. Projek ini dilihat selaras dengan potensi negeri sebagai peneraju industri halal serantau, yang bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tetapi turut memperkukuh jenama halal Perak di peringkat antarabangsa.

Bagi Silver Valley Technology Park (SVTP), sebanyak 97.7% responden menunjukkan kesedaran terhadap projek ini dan berpandangan bahawa inisiatif ini akan merancakkan sektor teknologi, mineral dan sains bahan lanjutan. SVTP dianggap penting sebagai sebahagian daripada pelan transformasi ekonomi negeri menuju industri berasaskan pengetahuan dan inovasi.

Akhir sekali, Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) turut menerima sokongan tinggi dengan 97.3% responden menyatakan bahawa mereka mengetahui mengenai projek tersebut. KIGIP dilihat sebagai pemacu utama kepada agenda pembangunan hijau negeri, yang bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi daerah utara tetapi juga menyokong aspirasi kelestarian alam sekitar.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa rakyat negeri Perak mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dan pandangan yang positif terhadap projek-projek berimpak tinggi yang dirancang oleh Kerajaan Negeri. Lima projek utama ini bukan sahaja dilihat sebagai simbol kemajuan fizikal dan ekonomi, tetapi juga sebagai bukti kesungguhan kerajaan dalam memperkukuh daya saing negeri, memperluas peluang pekerjaan, dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Jadual 10: Pengetahuan Rakyat terhadap Projek Berimpak Tinggi di negeri Perak

Penyataan	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus(%)	Bilangan	Peratus(%)
Automotive High Technology Valley (AHTV)	4,718	97.62	115	2.38
Lumut Maritime Industrial City (LuMIC)	4,749	98.26	84	1.74
Perak Halal Industrial Park (Perak HIP)	4,790	99.11	43	0.89
Silver Valley Technology Park (SVTP)	4,724	97.74	109	2.26
Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP)	4,701	97.27	132	2.73

Kajian ini turut menilai persepsi rakyat terhadap lima (5) projek berimpak tinggi Negeri Perak, yang dirancang sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi di bawah agenda Perak Sejahtera 2030. Projek-projek tersebut ialah Automotive High Technology Valley (AHTV), Lumut Maritime Industrial City (LuMIC), Perak Halal Industrial Park (Perak HIP), Silver Valley Technology Park (SVTP), dan Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP).

Penilaian ini dijalankan bagi mengukur sejauh mana rakyat memahami, menyokong serta menilai kepentingan projek-projek ini terhadap masa depan ekonomi negeri. Responden diminta menilai tahap kepentingan dan keberkesanan setiap projek berdasarkan skala Likert lima mata. Hasil dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhan, rakyat negeri Perak mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kelima-lima projek berimpak tinggi ini, dengan skor min antara 4.34 hingga 4.39. Ini menggambarkan bahawa rakyat bukan sahaja sedar akan kewujudan projek-projek ini, malah menilai pelaksanaannya sebagai signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negeri.

Bagi projek Automotive High Technology Valley (AHTV), skor min 4.39 menunjukkan bahawa rakyat menilai projek ini pada tahap tinggi. AHTV dilihat berpotensi besar sebagai pemangkin pembangunan industri automotif berteknologi tinggi yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran dan meningkatkan daya saing sektor pembuatan di negeri ini.

Projek Lumut Maritime Industrial City (LuMIC) pula mencatatkan skor min 4.35, menandakan tahap kepercayaan tinggi rakyat terhadap potensinya dalam

membangunkan sektor maritim, logistik dan pelabuhan di daerah Manjung. Rakyat menyifatkan projek ini sebagai strategi penting untuk mengukuhkan kedudukan Perak sebagai hab perindustrian pesisir barat yang berdaya saing di rantau ini.

Bagi Perak Halal Industrial Park (Perak HIP) dan Silver Valley Technology Park (SVTP), masing-masing merekodkan skor min 4.36, menunjukkan persepsi rakyat yang sangat positif terhadap pelaksanaan kedua-dua projek tersebut. Perak HIP dilihat sebagai inisiatif penting dalam memperkukuh industri halal negeri melalui peluang pelaburan dan eksport, manakala SVTP pula disifatkan sebagai pemangkin pembangunan sektor teknologi, mineral dan bahan termaju yang berimpak tinggi kepada ekonomi negeri.

Sementara itu, Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) memperoleh skor min 4.34, menggambarkan keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan negeri memajukan pembangunan hijau dan lestari. Projek ini dilihat mampu memacu pertumbuhan ekonomi di daerah utara sambil mengekalkan keseimbangan antara pembangunan industri dan pemeliharaan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, hasil kajian membuktikan bahawa rakyat negeri Perak bukan sahaja mengetahui dan menyokong pelaksanaan lima projek berimpak tinggi, tetapi juga menilai bahawa projek-projek tersebut penting untuk masa depan ekonomi negeri. Tahap persepsi yang tinggi ini mencerminkan keyakinan masyarakat terhadap hala tuju pembangunan negeri di bawah Perak Sejahtera 2030, di samping menunjukkan penerimaan positif terhadap agenda kerajaan untuk membina Perak sebagai negeri maju, berdaya saing dan sejahtera menjelang tahun 2030.

Jadual 11: Persepsi Rakyat terhadap Projek Berimpak Tinggi di Negeri Perak

No.	Soalan	Skala Likert					Skor Min	Tahap
		STP (1)	TP (2)	N (3)	P (4)	SP (5)		
		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
1.	Automotive High Technology Valley (AHTV)	0	2	69	2,817	1,945	4..39	Tinggi
		0	0	1.5	58.3	40.2		
2.	Lumut Maritime Industrial City (LuMIC)	0	2	62	3,031	1,738	4.35	Tinggi
		0	0.04	1.28	62.72	35.96		
3.	Perak Halal Industrial Park (Perak HIP)	0	3	59	2,968	1,803	4.36	Tinggi
		0	0.06	1.22	61.41	37.31		
4.	Silver Valley Technology Park (SVTP)	0	3	61	2,960	1,809	4.36	Tinggi
		0	0.06	1.26	61.25	37.43		
5.	Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP)	2	4	67	2,967	1,793	4.34	Tinggi
		0.04	0.08	1.39	61.39	37.10		

3.3.3 Cadangan Rakyat untuk Menambahbaik Perak Sejahtera 2030

Kutipan cadangan dan aspirasi rakyat dalam membantu Kerajaan Negeri Perak untuk merealisasikan agenda Perak Sejahtera 2030 telah dikutip melalui set soalan terbuka. Rumusan daripada data yang dikutip telah dianalisis dan dirumuskan bagi membolehkan Kerajaan Negeri Perak mempertimbang penambahbaikan pada program sedia ada, atau memperkenalkan program tambahan sebagai usaha memenuhi kehendak masyarakat yang mungkin berubah sejajar dengan perubahan masa.

Berdasarkan cadangan yang diberikan responden, beberapa langkah proaktif boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Perak dan pihak berkepentingan lain bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030 serta memperkasa ekonomi, pelancongan, pendidikan, dan kesejahteraan rakyat. Cadangan-cadangan yang diperolehi, disusun mengikut tema PESTEL yang sesuai.

a) Politik

- Seruan kepada ketelusan dalam pelaksanaan projek dan penyampaian dasar.
- Permintaan agar perancangan seperti Perak Sejahtera 2030 benar-benar dilaksanakan, bukan sekadar atas kertas.
- Gesaan untuk bekerjasama merentasi agensi, pemain industri, NGO, kakitangan awam, dan rakyat.
- Keperluan untuk turun padang oleh pemimpin serta agensi kerajaan bagi memahami realiti rakyat.

b) Ekonomi

- Permintaan bantuan kewangan yang lebih luas: untuk B40, warga emas, mahasiswa, OKU, usahawan kecil, koperasi, dan masyarakat India/Cina/Asli.
- Dorongan untuk menaikkan elaun, COLA, bonus penjawat awam, dan biasiswa pelajar.
- Perluasan peluang pekerjaan – graduan, anak jati Perak, lepasan sijil/ijazah, belia luar bandar.
- Saranan untuk menarik pelaburan asing dan bangunkan kilang berteknologi tinggi (contoh: Tanjung Malim).
- Promosi pelancongan dan pembangunan ekonomi desa melalui agrolancong dan ekopelancongan.
- Seruan untuk mengawal kesan kenaikan harga barang, SST, dan cukai dengan memperbanyak jualan madani/jualan sejahtera rakyat.

c) Sosial

- Penekanan kepada kesejahteraan rakyat secara menyeluruh – bantuan pelajaran, bantuan rumah, kad kesihatan, bantuan makanan, kad sejahtera.
- Kepelbagaian program pembangunan untuk pelajar sekolah, belia, komuniti luar bandar, warga emas.
- Kepentingan TVET, program kemahiran, latihan keusahawanan, dan program bersasar untuk pelajar kelas menengah bawah.

- Isu pembangunan inklusif – keperluan untuk pastikan semua kaum (Melayu, Cina, India, Asli) mendapat perhatian yang setara.

d) Teknologi

- Permintaan meluas untuk menaik taraf capaian internet, khususnya di luar bandar.
- Saranan digitalisasi urusan kerajaan – permohonan mudah, pautan ringkas, hebahan melalui media sosial dan aplikasi.
- Cadangan wujudkan platform aduan rakyat, akaun TikTok rasmi, dan hebahan dalam bahasa yang mudah difahami.

e) Alam Sekitar

- Penekanan pada pembangunan lestari dan pemeliharaan alam sekitar – pelancongan hijau, penjagaan sungai dan kawasan sensitif.
- Cadangan mengelakkan pembaziran, bina hanya projek yang bermanfaat dan kaji ROI projek-projek mega.
- Perlu pantau pembuangan sampah, had berat kenderaan di jalan kampung, dan pastikan kebersihan umum dijaga.

f) Perundangan

- Permintaan meluas untuk menaik taraf capaian internet, khususnya di luar bandar.
- Saranan digitalisasi urusan kerajaan – permohonan mudah, pautan ringkas, hebahan melalui media sosial & aplikasi.
- Cadangan wujudkan platform aduan rakyat, akaun TikTok rasmi, dan hebahan dalam bahasa yang mudah difahami.

g) Merentasi PESTEL

- Jadikan pendigitalan, keterangkuman sosial dan pembangunan mampan sebagai teras dalam bajet negeri.
- Gabungkan maklum balas ini dalam strategi dasar berorientasikan rakyat, evidence-based, dan berimpak tinggi.

- Pastikan libat urus berkala dengan semua segmen rakyat agar polisi terus relevan dengan realiti semasa.

Melalui pengkelasan cadangan rakyat yang telah dibentang menerusi kerangka PESTEL di atas, dapatlah dirumuskan bahawa rakyat Perak mengharapkan pelaksanaan dasar dan projek negeri yang telus, realistik dan berimpak tinggi. Dalam aspek ekonomi pula, keperluan utama ialah bantuan menyeluruh kepada golongan rentan, peluasan peluang pekerjaan, dan pemerkasaan sektor pelancongan serta perusahaan tempatan. Manakala dari sudut sosial, rakyat menuntut pembangunan yang inklusif melibatkan semua kaum dengan memberi fokus kepada pendidikan, kesejahteraan komuniti dan pembangunan belia.

Sesuai dengan gaya hidup alaf moden yang amat terdedah dengan teknologi dan pendigital, pungutan suara rakyat menyokong penuh pendigitalan sistem penyampaian kerajaan dan peningkatan capaian internet khususnya di luar bandar. Terdapat saranan tentang penggunaan aplikasi mudah guna dan hebahan berkesan melalui media sosial. Sementara itu, keprihatinan terhadap alam sekitar dizahirkan melalui gesaan kepada pembangunan lestari, penjagaan kebersihan dan pemeliharaan kawasan semula jadi. Turut disuarakan rakyat adalah berkaitan tadbir urus dan undang-undang di mana rakyat mahukan sistem yang lebih cekap, adil dan berintegriti. Keseluruhannya, terdapat seruan agar kerajaan negeri menjadikan pendigitalan, keterangkuman sosial dan kelestarian sebagai tunjang dalam merangka dasar masa depan yang benar-benar berorientasikan rakyat.

3.4 Dapatan Kajian Belanjawan 2026 Negeri Perak

Kajian lapangan ini turut meneliti keadaan kewangan isi rumah, sektor pekerjaan yang terkesan, komponen perbelanjaan yang menjadi cabaran rakyat, inisiatif bantuan bersasar kerajaan negeri yang perlu diberi penekanan, dan fokus keutamaan rakyat untuk belanjawan negeri Perak 2026.

3.4.1 Keadaan ekonomi isi rumah rakyat negeri Perak

Kajian ini turut menilai keadaan ekonomi isi rumah rakyat negeri Perak, khususnya dari segi pendapatan, perbelanjaan dan tahap kestabilan kewangan semasa. Penilaian ini penting bagi memahami kemampuan sebenar rakyat dalam menghadapi tekanan kos sara hidup serta daya tahan ekonomi isi rumah terhadap perubahan harga barangan dan perkhidmatan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa rakyat negeri Perak menilai keadaan ekonomi isi rumah mereka pada tahap tinggi, dengan skor min keseluruhan antara 4.24 hingga 4.31. Walaupun majoriti responden mengakui berdepan tekanan perbelanjaan yang meningkat, sebahagian besar masih menunjukkan tahap keyakinan dan keupayaan menyesuaikan diri terhadap perubahan ekonomi semasa.

Bagi aspek pendapatan bulanan isi rumah, skor min yang direkodkan ialah 4.31, menunjukkan bahawa sebahagian besar responden bersetuju pendapatan mereka meningkat berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 61.3% responden bersetuju dan 34.9% sangat bersetuju bahawa pendapatan isi rumah menunjukkan peningkatan, khususnya bagi mereka yang bekerja dalam sektor perkhidmatan, perusahaan kecil dan keusahawanan mikro yang semakin pulih pasca pandemik.

Dari segi perbelanjaan bulanan isi rumah, skor min yang diperoleh ialah 4.28, menandakan bahawa rakyat turut mengakui peningkatan dalam perbelanjaan harian mereka. Sebanyak 65.7% responden bersetuju dan 31.4% sangat bersetuju bahawa kos sara hidup semakin meningkat, terutamanya melibatkan barangan asas seperti makanan, perumahan, dan utiliti. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun pendapatan meningkat, kadar perbelanjaan isi rumah masih menekan kemampuan sebenar rakyat, sekali gus menjejaskan margin simpanan keluarga.

Sementara itu, bagi aspek keadaan kewangan isi rumah secara keseluruhan, skor min 4.24 menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat keadaan kewangan mereka lebih baik berbanding sebelumnya, walaupun masih terdapat segelintir (sekitar 7%) yang menyatakan mereka berada dalam keadaan kewangan tidak stabil. Ini menggambarkan bahawa peningkatan pendapatan yang diterima belum sepenuhnya menampung peningkatan kos perbelanjaan, namun rakyat masih berusaha menyesuaikan diri melalui kawalan perbelanjaan dan sokongan bantuan bersasar yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mencerminkan bahawa rakyat Perak kini berada dalam fasa pemulihan ekonomi isi rumah yang positif namun berhati-hati. Walaupun berlaku peningkatan pendapatan dan sedikit penambahbaikan dalam kestabilan kewangan, kenaikan kos sara hidup kekal menjadi isu utama yang perlu ditangani secara strategik dalam Belanjawan Negeri Perak 2026, khususnya melalui dasar yang memfokuskan kepada bantuan bersasar, pengawalan harga barangan asas dan peluasan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Jadual 12: Keadaan Isi Rumah Rakyat Negeri Perak

No.	Soalan	Skala Likert					Skor Min	Tahap
		STS (1)	TS (2)	N (3)	S (4)	SS (5)		
		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
1.	Pendapatan bulanan isi rumah saya telah meningkat	3	13	167	2,964	1,685	4.31	Tinggi
		0.06	0.27	3.46	61.34	34.87		
2.	Perbelanjaan bulanan isi rumah saya telah meningkat	2	8	132	3,172	1,518	4.28	Tinggi
		0.04	0.17	2.73	65.65	31.42		
3.	Keadaan kewangan isi rumah saya adalah lebih baik	5	13	348	2,940	1,526	4.24	Tinggi
		0.10	0.27	7.20	60.84	31.58		

3.4.2 Sektor pekerjaan yang paling terkesan

Kajian ini turut mengenal pasti sektor pekerjaan yang paling terkesan dengan perubahan ekonomi semasa di Negeri Perak. Berdasarkan tinjauan ke atas 4,833 responden, sektor perkhidmatan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 23%, menjadikannya sektor paling terkesan.

Sektor pertanian berada pada kedudukan kedua dengan 19%, diikuti oleh sektor kesihatan (13%), pendidikan (13%), dan pembinaan (11%). Manakala sektor perkilangan dan pelancongan masing-masing mencatatkan 9%. Sektor ekonomi gig merupakan sektor paling rendah terkesan dengan peratusan 3% daripada keseluruhan responden.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan dan pertanian merupakan dua sektor utama yang paling terkesan berdasarkan persepsi responden kajian.

Jadual 13: Sektor Terkesan di Negeri Perak

Item dan Klasifikasi	N	%
Perkhidmatan	1090	23
Pertanian	940	19
Kesihatan	613	13
Pendidikan	604	13
Pembinaan	527	11
Perkilangan	455	9
Pelancongan	432	9
Ekonomi gig	171	3
Jumlah	4,833	100%

3.4.3 Komponen perbelanjaan yang menjadi cabaran rakyat

Kajian ini turut meneliti komponen perbelanjaan isi rumah yang paling membebankan rakyat negeri Perak dalam tempoh setahun yang lalu. Soalan ini bertujuan mengenal pasti bidang perbelanjaan utama yang memberi tekanan kepada kemampuan kewangan isi rumah dan seterusnya menjadi asas penting dalam menilai keutamaan Belanjawan Negeri Perak 2026.

Berdasarkan maklum balas daripada 4,833 responden, komponen makanan dan minuman mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 19.06%, menjadikannya aspek perbelanjaan yang paling membebankan isi rumah. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar rakyat masih berdepan tekanan harga barangan keperluan asas. Keadaan ini menjejaskan keseimbangan bajet bulanan, khususnya bagi keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Komponen kedua tertinggi ialah perumahan (16.61%), diikuti bil utiliti (16.07%). Kedua-dua komponen ini menunjukkan bahawa perbelanjaan berkaitan kediaman termasuk sewa rumah, pinjaman perumahan, serta kos elektrik dan air kekal menjadi antara cabaran utama rakyat negeri ini. Dapatan ini turut sejajar dengan pola kehidupan bandar yang semakin menuntut kos sara hidup tinggi serta peningkatan kadar sewaan di kawasan tumpuan ekonomi.

Perubatan dan penjagaan kesihatan merupakan komponen seterusnya dengan peratusan 10.39%, menggambarkan peningkatan perbelanjaan terhadap rawatan kesihatan, ubat-ubatan dan penjagaan keluarga. Ini disusuli oleh simpanan kecemasan (9.49%) dan pendidikan anak-anak (9.01%), yang menunjukkan kesedaran rakyat terhadap pentingnya aspek keselamatan kewangan dan pendidikan,

namun pada masa sama menjadi beban kewangan yang perlu diuruskan dengan cermat.

Selain itu, pengangkutan (8.85%), insurans (5.88%) dan hiburan serta rekreasi (4.65%) turut disenaraikan sebagai antara komponen yang memberi kesan kepada perbelanjaan bulanan isi rumah. Walaupun peratusannya lebih rendah berbanding komponen lain, data ini menunjukkan bahawa kos mobiliti dan perlindungan kewangan masih menjadi sebahagian daripada tanggungan penting dalam struktur perbelanjaan rakyat.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa makanan, perumahan dan utiliti merupakan tiga komponen utama yang menjadi cabaran kepada rakyat negeri Perak, diikuti oleh keperluan asas lain seperti kesihatan dan pendidikan. Dapatan ini mengesahkan bahawa tekanan kos sara hidup masih menjadi isu utama dalam pengurusan kewangan isi rumah, justeru perlu diberikan perhatian khusus dalam perancangan Belanjawan Negeri Perak 2026, agar dasar dan inisiatif yang digubal dapat membantu meringankan beban perbelanjaan rakyat secara langsung.

Jadual 14: Komponen Perbelanjaan yang Menjadi Cabaran Rakyat

Item dan Klasifikasi	N	%
Makanan dan minuman	2,763	19.06
Perumahan	2,408	16.61
Bil Utiliti	2,330	16.07
Perubatan dan Penjagaan Kesihatan	1,506	10.39
Simpanan kecemasan	1,376	9.49
Pendidikan anak-anak	1,307	9.01
Pengangkutan	1,283	8.85
Insurans	852	5.88
Hiburan dan rekreasi	674	4.65
Jumlah	14,499	100%

3.4.4 Inisiatif bantuan bersasar yang perlu diberi penekanan

Kajian turut meneliti inisiatif bantuan bersasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Perak serta program yang perlu diberi penekanan dan penambahbaikan dalam Belanjawan Negeri 2026. Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti bentuk sokongan yang paling relevan dengan keperluan semasa rakyat serta keberkesanan pelaksanaannya di peringkat komuniti.

Berdasarkan hasil tinjauan terhadap 4,833 responden, Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak (di bawah Yayasan Perak) mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 11%, menjadikannya inisiatif bantuan yang paling mendapat perhatian. Dapatan ini menunjukkan tumpuan rakyat terhadap keperluan pendidikan anak-anak, khususnya dari segi perancangan kewangan dan bantuan awal pembelajaran di peringkat sekolah dan universiti.

Inisiatif Sayangi Rumahku (Yayasan Perak) berada pada kedudukan kedua dengan 10%, diikuti oleh Bantuan Bina Rumah (9%) dan Program Rumah PerakKu (Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak, LPHP) juga dengan 9%. Keputusan ini menggambarkan bahawa aspek perumahan kekal menjadi keutamaan utama rakyat, selaras dengan peningkatan kos kediaman dan keperluan menyediakan rumah yang selamat dan mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah.

Inisiatif Siswa Dalam dan Luar Negara (8%) serta Skim Sewa Perak Sejahtera (8%) turut menerima perhatian tinggi daripada responden. Ini menunjukkan kesedaran rakyat terhadap peranan kerajaan negeri dalam menyokong pendidikan tinggi dan menyediakan alternatif kediaman yang lebih fleksibel bagi golongan muda serta pelajar.

Sementara itu, program baik pulih rumah (7%), Biasiswa YAB Menteri Besar (7%), dan Bantuan Khas Mahasiswa Perak (6%) kekal signifikan sebagai bantuan sosial yang dekat dengan keperluan masyarakat. Program-program ini dilihat penting dalam memastikan kesejahteraan sosial, khususnya bagi kumpulan yang terkesan secara langsung dengan peningkatan kos sara hidup dan yuran pendidikan.

Selain itu, Kad Perak Sejahtera (Wanita Perak) dan Skim Pembiayaan Tanpa Faedah (SADC) masing-masing mencatatkan 6% dan 5%, menunjukkan tahap kesedaran yang baik terhadap bantuan yang ditujukan kepada kumpulan wanita serta usahawan mikro tempatan.

Bagi inisiatif lain, Dermasiswa Dalam dan Luar Negara (MAIPk) merekodkan 5%, manakala program seperti Dana Kreatif Perak (PORT), Geran Usahawan Perak Sejahtera (STeP) dan Geran Pembangunan Asnaf Berjaya (SADC) masing-masing berada dalam lingkungan 3%. Walaupun peratusannya lebih rendah, inisiatif ini masih relevan dalam menyokong pembangunan potensi belia, asnaf serta penggiat industri kreatif negeri.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa rakyat negeri Perak memberi keutamaan kepada bantuan berkaitan pendidikan, perumahan dan kebajikan sosial dalam Belanjawan Negeri 2026. Tiga kategori ini pendidikan anak-anak, kemudahan kediaman dan bantuan bersasar kekal sebagai tumpuan utama rakyat dalam memastikan kesejahteraan isi rumah dapat dipertingkatkan secara berterusan. Program bantuan sedia ada seperti Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak, Sayangi Rumahku, Bantuan Bina Rumah dan Rumah PerakKu dilihat sebagai inisiatif yang paling memberi kesan langsung kepada rakyat, dan sewajarnya diperkukuh dengan kaedah pelaksanaan yang lebih menyeluruh, telus dan mudah dicapai oleh semua lapisan masyarakat.

Jadual 15: Inisiatif Bersasar Kerajaan Negeri yang Perlu Ditambah Baik dan Diberi Penekanan

Item dan Klasifikasi	N	%
Tabung Simpanan pendidikan Anak Perak, YP	2,763	11
Sayangi Rumahku, YP	1,472	10
Bantuan Bina Rumah, YP	1,337	9
Program Rumah PerakKu, LPHP	1,237	9
Inisiatif Siswa Dalam dan Luar Negara, YP	1,216	8
Skim Sewa Perak Sejahtera, LPHP	1,198	8
Baik Pulih Rumah, YP	1,073	7
Biasiswa YAB Menteri Besar, YP	954	7
Bantuan Khas Mahasiswa Perak, YP	912	6
Kad Perak Sejahtera, WANITA Perak	810	6
Skim Pembiayaan Tanpa Faedah, SADC	722	5
Dermasiswa Dalam dan Luar Negara, MAIPk	696	5
Dana Kreatif Perak, PORT	429	3
Geran Usahawan Perak Sejahtera, STeP	400	3
Geran Pembangunan Asnaf Berjaya, SADC	368	3
Jumlah	14,339	100%

3.4.5 Fokus keutamaan dalam Belanjawan 2026 Negeri Perak

Kajian turut meneliti pandangan rakyat terhadap fokus utama yang perlu diberi keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Negeri Perak 2026. Dapatan ini menggambarkan bidang tumpuan yang dianggap paling penting oleh rakyat dalam usaha kerajaan negeri memperkukuh kesejahteraan dan pembangunan sosioekonomi di seluruh negeri.

Berdasarkan tinjauan, bantuan kebajikan dan kemiskinan muncul sebagai keutamaan utama dengan 29% responden memilih aspek ini sebagai fokus yang perlu

diperhebat dalam belanjawan akan datang. Dapatan ini menunjukkan tumpuan rakyat terhadap keperluan memperkukuh jaringan perlindungan sosial, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah, warga emas, ibu tunggal dan masyarakat rentan yang masih memerlukan sokongan berterusan.

Fokus kedua tertinggi ialah perumahan mampu milik dengan 21%, yang menunjukkan keprihatinan rakyat terhadap isu kediaman sebagai keperluan asas utama. Dapatan ini menegaskan bahawa inisiatif seperti Rumah PerakKu, Sayangi Rumahku dan Bantuan Bina Rumah perlu diteruskan dan dipertingkatkan bagi memastikan akses kepada kediaman selamat dan berpatutan di setiap daerah.

Seterusnya, aspek penyediaan peluang pekerjaan dan latihan mencatatkan 17%, menandakan bahawa rakyat menuntut lebih banyak program yang dapat memperkukuh pasaran tenaga kerja negeri. Tumpuan terhadap latihan kemahiran, penempatan kerja, dan pembangunan keusahawanan menjadi antara faktor utama yang diharapkan dapat dimasukkan dalam peruntukan Belanjawan Negeri 2026.

Dapatan bagi penambahbaikan infrastruktur tempatan (jalan, air, internet) turut merekodkan 17%, mencerminkan keperluan rakyat terhadap prasarana asas yang lebih baik, terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman. Antara aspek yang sering disebut dalam maklum balas lapangan termasuk penyelenggaraan jalan perhubungan desa, kestabilan bekalan air, dan capaian internet berkelajuan tinggi yang menyokong ekonomi digital.

Akhir sekali, peningkatan mutu pendidikan dan latihan teknikal (TVET) dipilih oleh 13% responden sebagai salah satu bidang yang perlu diberikan tumpuan dalam belanjawan negeri. Dapatan ini menunjukkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan membangunkan modal insan berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri dan pasaran kerja masa depan.

Secara keseluruhannya, hasil tinjauan ini menunjukkan bahawa rakyat negeri Perak memberikan keutamaan kepada aspek kebajikan, perumahan, peluang pekerjaan, infrastruktur asas dan pendidikan, sebagai tunjang utama dalam perancangan Belanjawan Negeri Perak 2026. Keputusan ini secara langsung menggambarkan aspirasi rakyat terhadap sebuah belanjawan yang menyeluruh, berpaksikan rakyat dan berimpak langsung terhadap kesejahteraan kehidupan harian.

Jadual 16: Fokus Keutamaan Rakyat bagi Belanjawan 2026

Item dan Klasifikasi	N	%
Bantuan Kebajikan dan kemiskinan	1,379	29
Perumahan mampu milik	1,013	21
Menyediakan peluang pekerjaan dan latihan	969	17
Memperbaiki infrastruktur tempatan (jalan, air, internet)	844	17
Menambahbaik pendidikan dan TVET	628	13
Jumlah	4,833	100

3.4.6 Cadangan Realistik Rakyat untuk Belanjawan 2026

Kajian ini turut mengumpulkan pandangan rakyat tentang wajaran yang harus dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Perak dalam merangka Belanjawan Negeri bagi tahun 2026. Beberapa perincian yang turut disenaraikan oleh rakyat untuk turut disenaraikan dalam laporan ini telah disusun dan dipermudahkan mengikut kerangka PESTEL seperti berikut:

a) Politik

- Pelaksanaan dasar dan projek perlu berkesan, telus, dan tidak bersifat 'gajah putih'.
- Turun padang, dengar suara rakyat secara langsung.
- Belanjawan mesti berhemah dan berimpak, bukan sekadar pengumuman.
- Ketelusan dalam pengagihan bantuan seperti e-Kasih dan JPKK.
- Tangani rasuah dan penyalahgunaan kuasa.
- Fokus kepada dasar inklusif untuk semua kaum dan wilayah (Orang Asli, India, pesara tentera, ibu tunggal).
- Tambah baik sistem penyampaian bagi percepat aduan, bantuan, dan permohonan.

b) Ekonomi

- Peluang pekerjaan untuk belia dan graduan, termasuk pekerjaan tetap untuk kontrak.
- Sokongan usahawan melalui latihan, geran, bimbingan, dan dana.
- Galak pembangunan industri desa, pertanian moden, pelancongan, dan kilang.

- Perumahan mampu milik dan skim tanah pertanian moden.
- Kawal harga barang, kurangkan cukai untuk B40 dan M40.
- Elaun tambahan untuk imam, bilal, JPKK, dan ketua kampung.
- Tingkatkan gaji penjawat awam serta peluang kenaikan gred (contohnya S19 > 20 tahun perkhidmatan).
- Bantuan kewangan langsung: baucar tunai, elaun pelajar, bantuan bulanan, pembayaran hutang (termasuk PTPTN).
- Pelaburan strategik: tarik pelabur luar (pertanian teknologi tinggi, halal hub, dsb.)

c) Sosial

- Bantuan kepada golongan rentan: B40, warga emas, pelajar miskin, ibu tunggal, Orang Asli, pesara tentera.
- Biasiswa dan bantuan pendidikan kepada anak Perak.
- Program latihan kemahiran dan TVET untuk belia dan wanita.
- Naik taraf sekolah pra, sekolah rendah dan menengah di kawasan luar bandar.
- Hospital pakar di Gerik, keperluan mendesak, disebut ratusan kali.
- Penambahan kemudahan bersalin, klinik, hospital pakar luar bandar.
- Santuni rakyat dengan keperluan asas: makanan percuma, bekalan air, lampu jalan, kebajikan minoriti.
- Perhatikan kebajikan anak muda agar tidak berhijrah keluar negeri.

d) Teknologi

- Naik taraf capaian Internet di luar bandar, terutama di Gerik, Chenderoh, Kg Gajah.
- Digitalisasi perkhidmatan kerajaan bagi memudahkan permohonan bantuan, aduan awam, pemantauan projek.
- Latihan digital percuma, termasuk dalam AI, drone, programming, terutamanya untuk pelajar dan sekolah tahfiz.
- Gunakan media sosial (TikTok, Facebook) untuk promosi dasar kerajaan dan penyebaran info.

- Bangunkan pelancongan pintar untuk sistem info berasaskan Internet.

e) Alam Sekitar

- Pelihara hutan dan kawasan semula jadi, terutama di Selatan Perak.
- Pantau aktiviti industri seperti blasting dan pencemaran udara di Simpang Pulai.
- Majukan ekopelancongan dan pelancongan alam semula jadi.
- Galakkan pertanian hijau dan tenaga boleh diperbaharui.

f) Perundangan

- Polisi yang dibangunkan perlu mesra rakyat, tidak membebankan, dan berpaksikan keperluan sebenar masyarakat.
- Pengecaman pemohon e-Kasih dengan JPKK perlu diselaras supaya tiada yang tercicir.
- Dasar pengagihan tanah dan rumah kepada rakyat tempatan mesti adil dan telus.
- Tidak menghapuskan bantuan sedia ada seperti Kad Sejahtera.

Dapatan melalui kerangka PESTEL menunjukkan bahawa rakyat Perak mengharapkan sebuah pentadbiran yang telus, mendengar dan bertindak, serta mengutamakan kebajikan secara inklusif merentasi kaum, generasi dan geografi. Tumpuan yang tinggi diberikan kepada isu pelaksanaan dasar yang berimpak dan bersasar, pemerikasaan ekonomi rakyat melalui peluang pekerjaan dan bantuan keusahawanan, serta penambahbaikan perkhidmatan sosial seperti kesihatan, pendidikan, dan kebajikan komuniti rentan. Dalam masa yang sama, kemajuan digital dan teknologi perlu dipercepat bagi merapatkan jurang luar bandar-bandar, manakala pembangunan yang dirangka pula mestilah berlandaskan prinsip kelestarian alam sekitar. Keperluan terhadap dasar dan undang-undang yang adil, inklusif dan berpaksikan realiti kehidupan rakyat turut ditekankan.

4.0 PERBINCANGAN

4.1 Matrik PESTEL-SWOT

Bahagian ini merumus hasil dapatan yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini ke matrik PESTEL-SWOT bagi memudahkan perhatian kepada tindakan yang boleh diambil sebagai input rakyat untuk belanjawan 2026 Negeri Perak.

Jadual 17: Matrik PESTEL-SWOT

SWOT	Item SWOT	Dapatan	Perkaitan elemen PESTEL
Kekuatan	Apakah perkara yang telah dilaksanakan dengan baik dalam Perak Sejahtera 2030?	99.00% responden yang ditemui mengakui bahawa mereka tahu akan kewujudan Perak Sejahtera 2030. - Lebih 90.00% mengakui bahawa hebahan berkaitan Perak Sejahtera 2030 adalah berkesan. - Keempat-empat inisiatif Perak Sejahtera 2030 (digitalisasi, data raya, integriti dan penyampaian dan pemantauan) diterima baik oleh majoriti rakyat. - Lebih 98.00% rakyat mengakui telah menerima manfaat sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada program di bawah inisiatif Perak Sejahtera 2030 (i.e. bekalan makana mencukupi, pemilikan rumah dan sebagainya). - Lebih 95.00% rakyat menerima baik atau menyokong pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi.	- Politik – Dasar negeri mendapat sokongan tinggi rakyat. - Sosial – Kesejahteraan rakyat meningkat hasil pelaksanaan dasar. - Teknologi – Penerimaan rakyat terhadap inisiatif digitalisasi.
	Adakah ada kekuatan lain dengan dasar atau	Wujud sokongan penuh rakyat terhadap inisiatif Kerajaan Negeri untuk	Ekonomi – Polisi ekonomi negeri

	usaha Kerajaan Negeri?	menjana pendapatan rakyat.	dilihat responsif kepada rakyat. Sosial – Sokongan sosial terhadap dasar ekonomi negeri.
Kelemahan	Apakah isu yang menjadi perhatian rakyat?	- Beban hidup rakyat pada keperluan asas meliputi makanan dan minum, kos perumahan dan bil utiliti. - Rakyat juga merasa terbeban dengan lain-lain keperluan lain seperti kos perubatan, kos pengangkutan dan kos pendidikan anak-anak. - Peluang pekerjaan yang mampu menjana pendapatan tinggi rakyat Negeri Perak adalah terhad. - Isu pembangunan inklusif untuk semua tanpa mengira kaum dan kawasan. - Isu pembangunan yang menjejaskan alam sekitar – longgokan sampah di kawasan perumahan.	- Ekonomi – Tekanan kos hidup. - Sosial – Ketidakeimbangan pembangunan. - Alam Sekitar – Pengurusan sisa belum efektif.
	Adakah wujud jurang atau kelemahan dalam dasar sedia ada?	- Jurang ketidaksamaan akses kepada teknologi bagi kawasan luar bandar – bandar. - Jurang tidaksamaan dalam aspek pembangunan serta fasiliti kemudahan asas seperti hospital dan jalan raya.	- Teknologi – Jurang digital. - Sosial – Keadilan pembangunan. - Ekonomi – Ketidakecekapan agihan fasiliti.
	Adakah ada kelemahan lain dengan dasar atau usaha Kerajaan Negeri dari pandangan rakyat?	Maklumat pemantauan keberkesanan dasar Kerajaan Negeri yang tidak diketahui oleh rakyat.	- Politik – Persepsi ketelusan dasar. - Undang-undang – Tata kelola agihan awam.

		• Ketelusan Kerajaan atau agensi dalam aspek agihan kemudahan atau bantuan.	
Peluang	Apakah peluang yang ada dalam Negeri Perak?	• Terdapat corak peningkatan sokongan terhadap Menteri Besar Perak dalam kalangan rakyat. • Banyak kawasan yang berpotensi untuk industri pelancongan disebabkan bentuk muka bumi – tanah tinggi, hutan lipur, air terjun dan lain-lain. • Sokongan nasional kepada pelaburan ESG dan tenaga boleh diperbaharui (solar komuniti, mini hidro). • Potensi Perak sebagai hub pembangunan lestari zon utara. • Dana-dana seperti Dana Transformasi Digital Negeri, GEF, GCF, dan UNDP membuka ruang pembiayaan projek mampan.	• Politik – Kepercayaan rakyat terhadap kerajaan negeri
	Bagaimanakah peluang yang ada boleh diubah kepada kekuatan?	• Pelaburan pelancongan dan tenaga boleh diperbaharui boleh menjana pekerjaan dan hasil negeri. • Penyertaan masyarakat dalam ekopelancongan komuniti.	• Ekonomi – Potensi pertumbuhan hasil negeri. • Sosial – Libat urus komuniti dalam pembangunan. • Teknologi – Inovasi hijau tempatan.
Ancaman	Apakah ancaman yang mungkin timbul?	• Bakat insan yang dilatih dengan kemahiran tinggi berpotensi berhijrah ke negeri berdekatan (e.g. Pulau Pinang atau Selangor) atau ke luar negeri. • Sokongan rakyat pada parti politik lain	•

		disebabkan sentimen perkauman atau agama, bukan disebabkan kredibiliti pemimpin. • Pergantungan terhadap sektor perlombongan, hasil tidak boleh diperbaharui dan pertanian konvensional menjadikan ekonomi negeri kurang anjal.	
	Apakah ancaman lain yang kelihatan?	• Kenaikan kadar faedah, inflasi global dan penyusutan nilai ringgit menjejaskan kuasa beli rakyat. • Prosedur kelulusan projek pembangunan yang lambat boleh menjejaskan pelaburan dan keyakinan awam.	• Ekonomi global • Undang-undang dan politik.

4.2 Melangkah ke hadapan

Analisis PESTEL-SWOT yang dijalankan menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar-dasar di bawah kerangka Perak Sejahtera 2030 telah membina asas kukuh bagi negeri untuk bergerak ke arah pembangunan yang lebih inklusif dan mampan. Namun, bagi memastikan keberlanjutan inisiatif ini serta kesan langsung terhadap kesejahteraan rakyat, pendekatan belanjawan negeri perlu disusun semula berasaskan prinsip Belanjawan Inklusif.

Belanjawan inklusif menuntut penyertaan dan tanggungjawab bersama dalam memastikan setiap perbelanjaan negeri memberi impak optimum kepada ekonomi, sosial dan politik negeri. Pendekatan ini tidak hanya memfokus kepada penyelesaian jangka pendek, tetapi turut membina asas yang kukuh bagi masa depan Perak yang berdaya tahan dan sejahtera.

a) Sejahtera Ekonomi

Fokus ekonomi memberi tumpuan kepada pemerkasaan jaringan keselamatan sosial dan peningkatan kecekapan pengurusan kos sara hidup. Langkah ini bertujuan memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dengan

mengurangkan jurang pendapatan, memacu peluang pekerjaan dan memperkukuh produktiviti sektor utama negeri.

b) Sejahtera Sosial

Dari segi sosial, penekanan diberikan kepada pelaksanaan bajet yang efisien, berhemah dan optimum agar setiap ringgit perbelanjaan memberi manfaat maksimum kepada rakyat. Akses kepada kemudahan asas seperti kesihatan, pendidikan dan perumahan perlu dipertingkatkan bagi menambah baik kualiti hidup serta ketahanan sosial rakyat.

c) Sejahtera Politik

Dimensi politik pula menekankan keperluan memperkukuh tadbir urus yang berintegriti dan inovatif. Belanjawan inklusif berperanan sebagai wadah untuk memupuk akauntabiliti, mendorong kreativiti penyelesaian baharu, serta mengurangkan kebergantungan rakyat kepada bantuan kerajaan melalui pengupayaan komuniti.

5.0 RUMUSAN

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan dasar Perak Sejahtera 2030 dan mengenal pasti arah strategik yang sesuai bagi penyediaan Belanjawan 2026 Negeri Perak. Pendekatan analisis gabungan PESTEL dan SWOT telah digunakan untuk meneliti faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi keberhasilan dasar, keperluan rakyat serta kesiapsiagaan negeri dalam menghadapi cabaran semasa dan masa depan.

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa dasar Perak Sejahtera 2030 telah dilaksanakan dengan baik dan diterima positif oleh majoriti rakyat. Hampir 99% responden menyatakan mereka tahu akan kewujudan dasar ini, dan lebih 98% mengakui telah menerima manfaat secara langsung atau tidak langsung daripada inisiatif yang dilaksanakan, terutamanya dalam aspek kebajikan, perumahan, dan pembangunan ekonomi rakyat.

Namun begitu, kelemahan dan cabaran turut dikenal pasti melalui dapatan kajian. Beban kos sara hidup, ketidakseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar, serta kekurangan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi masih menjadi isu utama dalam kalangan rakyat. Terdapat juga jurang akses terhadap teknologi dan perkhidmatan asas, serta persepsi rakyat terhadap ketelusan agihan bantuan dan pemantauan dasar yang masih rendah. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk penambahbaikan dalam aspek ekonomi, sosial, undang-undang dan tadbir urus.

Kajian turut mengenal pasti pelbagai peluang yang boleh dimanfaatkan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan belanjawan akan datang. Antara peluang utama ialah peningkatan sokongan rakyat terhadap kepimpinan negeri, potensi besar dalam sektor pelancongan dan tenaga boleh diperbaharui, serta akses kepada pelbagai dana pembangunan mampan dari dalam dan luar negara. Dalam masa yang sama, ancaman seperti penghijrahan tenaga mahir ke negeri lain, ketidaktentuan ekonomi global, dan risiko bencana alam juga perlu diberi perhatian khusus dalam penyediaan dasar fiskal yang responsif dan inklusif.

Dengan menggabungkan maklumat dari analisis SWOT dan faktor persekitaran luaran melalui PESTEL, kajian ini mencadangkan agar Belanjawan Negeri Perak 2026 dirangka secara lebih strategik, menyeluruh dan berasaskan bukti.

Antara tumpuan utama termasuk pengukuhan ekonomi rakyat, pemantapan penyampaian perkhidmatan awam, pembangunan lestari berasaskan sumber tempatan, serta peningkatan ketelusan dan komunikasi dasar kepada rakyat. Pendekatan ini diyakini dapat membina belanjawan yang lebih responsif terhadap keperluan semasa, sekaligus menyokong aspirasi Perak Sejahtera 2030 ke arah kesejahteraan dan kelestarian yang menyeluruh.

RUJUKAN

Laporan Sosioekonomi Negeri Perak 2024 (2025). Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ucapan Belanjawan 2025 Negeri Perak (2024). Pejabat Kewangan Negeri.
https://kewangan.perak.gov.my/images/TeksUcapan/teks_belanjawan_2025.pdf

Perak Sejahtera. (2025). Perak Sejahtera 2030 – Perak Makmur, Rakyat Sejahtera.
<https://www.peraksejahtera.com/>

GAMBAR KAJIAN LAPANGAN

